




# **PARLIMEN MALAYSIA**



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWABAN  
HARIAN YANG TIDAK DAPAT  
DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI SELASA: 16 MAC 2010**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**

Sidek/jwp.2010

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 9 HINGGA 75 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 SOALAN NO:  
67 DAN 74 DIJAWAB SEKALIDENGAN SOALAN NO: 1 SOALAN NO: 38,40, 50,  
DAN 58 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO: 3 SOALAN NO: 35 DAN 66  
DIJAWAB SEKALI DENGAN SOLAN NO: 6**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**SELASA: 16 MAC 2010 [SIDEK]**

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD  
A**

**LISA  
N     TUAN KHAIRY  
JAMALUDDIN [REMBAU]**

**TARIKH**

**16 MAC 2010**

**SOALAN**

**9**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan suatu akta sebagaimana Bayh-Dole Act di Amerika Syarikat yang telah membantu meningkatkan kerja sama dan usaha pemindahan teknologi di antara badan penyelidik serta pihak swasta di negara tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bayh-Dole Act yang juga dikenali sebagai University and Small Business Patent Procedure Act adalah satu akta yang berkaitan dengan harta intelek yang dihasilkan dari penyelidikan yang dibiayai oleh Kerajaan. Pihak yang menerima pembiayaan dibolehkan mendapat hakmilik terhadap penyelidikan yang dijalankan dan perlu melindungi harta intelek mereka dengan memfail paten serta memastikan pengkomersilan hasil penyelidikan tersebut.

Melalui proses ini aktiviti pengkomersilan akan berlaku dengan lebih pantas dan meningkatkan kadar pengkomersilan penyelidikan yang dibiayai oleh Kerajaan.

Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menggubal satu dasar yang dikenali sebagai Dasar Pengkomersilan Harta Intelek bagi Projek Penyelidikan dan Pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. Pada keseluruhannya dasar ini sebenarnya menetapkan pemberian insentif-insentif yang lebih menarik dan spesifik daripada yang terkandung di bawah Bayh Dole Act. Semua penerima dana penyelidikan dan pembangunan daripada Kerajaan adalah tertakluk kepada dasar ini. Dasar ini bertujuan untuk:

- (i) menggalak dan memudah cara **perlindungan** Harta Intelek sejajar dengan Dasar Harta Intelek Negara; dan
- (ii) memudah cara **eksploitasi dan pengkomersilan** Harta Intelek yang dihasilkan daripada projek R&D yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia.

Pelaksanaan Dasar ini akan membolehkan inovasi yang terhasil dari penyelidikan dan pembangunan dapat dilindungi dan dieksploitasi untuk faedah semua. Dasar ini juga memberikan ganjaran dan motivasi yang sewajarnya kepada penyelidik dan institusi penyelidikan dalam bentuk pengagihan pendapatan hasil pengkomersilan dan juga insentif kewangan bagi penghasilan harta intelek. Melalui aktiviti pengkomersilan, pemindahan teknologi di antara institusi penyelidikan awam dengan pihak swasta di negara ini akan dapat ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 10

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN  
JAWABAN**

**DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTISALLEH**

**[KUANTAN]**

**TARIKH 16 MAC 2010**

**SOALAN:**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan jumlah kes pembalakan haram yang dilaporkan sejak tahun 2006 sehingga 2008 mengikut negeri. Apa pula langkah-langkah pencegahan oleh Kerajaan dalam membendung kegiatan ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2006 hingga 2008 sebanyak 114 kes pembalakan haram telah dikesan dan pecahan kes-kes ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH BAGI TEMPOH 2006- 2008
Johor	5
Kedah	13
Kelantan	7
Melaka	1
Negeri Sembilan	8
Pahang	63
Perak	6
Perlis	0
Pulau Pinang	0
Selangor	1
Terengganu	10
<b>JUMLAH</b>	<b>114</b>

Daripada 114 kes yang dikesan sebanyak 95 kes telah diambil tindakan dan kes-kes ini telah selesai manakala sebanyak 18 kes lagi siasatan masih belum selesai dan 1 kes dalam tindakan mahkamah. Dalam tempoh tersebut, seramai 108 orang pencuri balak telah ditangkap dan 188 unit mesin dan jentera telah disita dan dirampas. Di samping itu, sejumlah RM 10.9 juta denda dan ganti rugi dikutip hasil daripada penyelesaian kes-kes ini.

Antara langkah-langkah pencegahan yang diambil untuk membanteras aktiviti pembalakan haram termasuk:

- i) Menempatkan pegawai siasatan daripada Bahagian Penguatkuasaan Hutan

- di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia di Jabatan- jabatan Perhutanan Negeri bagi memantapkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan kes kesalahan hutan terutamanya pembalakan haram;
- ii) Pemantauan yang lebih kerap oleh pasukan '*flying squad*' di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi membanteras kes-kes kesalahan hutan;
  - iii) Mengenalpasti kawasan yang berisiko tinggi berlakunya kegiatan pembalakan haram (*hotspot*);
  - iv) Menjalankan sekatan jalanraya dari masa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
  - v) Menggunakan teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) dan sistem maklumat geografi (*GIS*) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan;
  - vi) Mengadakan sistem balai pemeriksa hutan di mana semua lori yang membawa kayu balak dikehendaki mempunyai pas memindah yang dikeluarkan oleh balai pemeriksa hutan;
  - vii) Menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku. Bagi memudahkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pembalakan haram Jabatan Perhutanan telah menyediakan kemudahan talian tol bebas dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS); dan
  - viii) Memastikan bahawa sempadan kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) berada dalam keadaan bersih serta ditanda dengan jelas dan terang di lapangan.

Selain itu, pihak Kementerian sedang memperkemaskan perundangan dan membuat pindaan ke atas peruntukan-peruntukan dalam Akta Perhutanan Negara, 1984 [Akta 313]. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kadar hukuman denda kepada pencuri balak

daripada maksimum RM 500,000 kepada RM 1 juta, di samping mempertingkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan hutan dalam usaha membanteras kegiatan pembalakan haram di negara ini.

**Sekian, terima kasih.**





Soalan No: 11

FEMBERITAH  
UAN  
PERTANYAA  
AN  
DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN LISA  
N

DARIPADA DATUKIR. HAJI IDRIS BIN HAJI  
HARON [TANGGABATU-BN]

TARIKH 16 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu - BN ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA).

TAWAPAN:

Kementerian Belia dan Sukan telah menetapkan lima (5) bidang keberhasilan utama Kementerian (MKRA) yang perlu dicapai dalam tempoh menjelang akhir tahun 2010 seperti berikut:

1. Meningkatkan bilangan belia beretika dan bertanggungjawab;
2. Meningkatkan modal insan belia yang berkaliber (memupuk pemimpin belia masa hadapan);
3. Masyarakat berbudaya sukan;
4. Meningkatkan pencapaian atlit di peringkat tertinggi; dan
5. Sukan sebagai satu industri.

FEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
TARIKH 16.03.2010 (SELASA)  
NO. SO ALAN : 12

DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan persediaan  
Malaysia dalam menghadapi peralihan kuasa ekonomi dunia dari AS ke China pada  
dekad akan datang.

TAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Negara Amerika Syarikat masih merupakan ekonomi terbesar di dunia. Negara  
Republik Rakyat China (RRC) adalah ekonomi ketiga terbesar selepas negara  
Jepun. Namun demikian, negara RRC kini menjadi pengeksport terbesar di dunia  
menggantikan negara Jerman pada suku terakhir tahun ialu. Eksport RRC pada  
tahun 2009 berjumlah US\$1.20 trillion berbanding dengan negara Jerman sebanyak  
US\$1.12 trillion.

Negara RRC akan memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi dunia.  
Perkembangan ini memberi manfaat kepada Malaysia seperti dalam bidang  
perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Sebenarnya, Kerajaan memang telah  
lama mengikuti perkembangan ini dan telah mengambil beberapa langkah untuk  
mempergiatkan usaha bagi meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan

dengan negara tersebut.

Perdagangan di antara Malaysia dan RRC telah menunjukkan peningkatan yang ketara di mana pada tahun 2009 jumlah perdagangan yang dicatatkan adalah sebanyak RM127.90 bilion berbanding RM3.19 bilion pada tahun 1990. Ini adalah peningkatan sebanyak 40 kali ganda. Pada tahun 2009, RRC merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dengan syer perdagangan sebanyak 12.9%.

Jumlah pelaburan daripada RRC mencapai tahap tertinggi pada tahun 2007 berjumlah RM1.88 bilion berbanding RM33.7 juta yang dicatatkan pada tahun 2000. Pada tahun 2009, pelaburan dari RRC berjumlah RM162.2 juta.

Dari segi pelancongan pula, jumlah pelancong dari RRC telah meningkat sebanyak 7.3% kepada 1,019,404 pada tahun 2009 daripada 949,854 pada tahun 2008.

Malaysia tidak menganggap peningkatan kuasa ekonomi RRC ini sebagai satu persaingan. Malahan, Malaysia menganggap perkembangan ini menguntungkan kedua-dua pihak kerana terdapat sinergi di antara kedua-dua ekonomi. Sehubungan dengan ini, Malaysia bersama-sama dengan negara anggota ASEAN lain telah memuktamadkan perjanjian perdagangan bebas dengan RRC. Sejak ASEAN-China FT A dilaksanakan pada tahun 2005, eksport Malaysia ke RRC telah meningkat dari RM35.16 bilion ke RM67.24 bilion pada tahun 2009, dengan purata peningkatan tahunan sebanyak 13.3%. Pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada purata pertumbuhan eksport Malaysia sebanyak 2.8% pada tempoh yang sama.

Negara juga telah pun mengambil pelbagai usaha untuk mempertingkatkan iklim perniagaan tempatan bagi mempertajamkan lagi daya saing ekonomi negara, dengan tujuan antara lain untuk menarik pelaburan asing termasuk dari negara RRC. PEMUDAH misalnya telah mengambil usaha bagi menambahbaik sistem,

prosedur dan proses penyampaian Kerajaan termasuk mengurangkan masa untuk memulakan perniagaan dan pendaftaran harta serta memperkenalkan satu nombor rujukan tunggal yang dipanggil MyCoID, iaitu nombor pengenalan bagi entiti perniagaan yang digunakan apabila berurusan dengan agensi Kerajaan.

Kemunculan RRC sebagai pengeksport walau bagaimanapun menjadi saingan kepada beberapa produk Malaysia khususnya yang tidak berteknologi tinggi dan berharga murah. Namun demikian, ini tidak menjadi halangan kepada Malaysia kerana produk-produk Malaysia seperti produk-produk pakaian tidak bersaing secara langsung dengan keluaran negara tersebut kerana produk-produk Malaysia adalah dari jenis yang berjenama dan berkualiti tinggi. Begitu juga industri Malaysia umumnya sekarang menuju ke arah industri berteknologi tinggi.

Soalan No : 13

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**(LIBARAN)**

**TARIKH**

**16.03.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan bagi skim bantuan tuisyen, bantuan pakaian sekolah beruniform, bantuan makanan asrama, rancangan makanan tambahan, elaun murid keperluan khas serta bantuan sukan dan kokurikulum sejak tahun 2000.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman ~~PERMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA~~ ~~PERUNTUKAN~~ ~~bagi~~ ~~beberapa jenis bantuan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia~~ ~~(KPM) sehingga 2010 adalah seperti dilampirkan.~~

BANTUAN	2005	2006	2007	2008	2009	2010
	PERUNTUKAN	PERUNTUKAN	PERUNTUKAN	PERUNTUKAN	PERUNTUKAN	PERUNTUKAN
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Skim Bantuan Tuisyen (SBT)	205,000,000	200,000,000	236,861,000	242,399,541	248,827,030	160,320,000
Elaun Murid Berkeperluan Khas (OKU)	6,644,250	7,582,475	18,964,800	22,235,700	72,000,000	75,000,000
Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK)	49,222,376	51,923,834	48,607,258	73,669,084	76,881,247	59,000,000
Bantuan Makanan Asrama (BMA)	554,821,500	606,305,210	644,845,166	878,040,718	1,164,947,550	906,275,000
Rancangan Makanan Tambahan (RMT)	143,635,062	167,657,670	237,451,000	243,521,594	254,920,200	138,900,000
Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform (BPS)	0	0	0	188,800,000	59,650,100	59,700,000

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDRAM

TARIKH: 16 MAR 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Manikavasagam A/L Sundram [ Kapar ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah jumlah yang dibayar kepada pencarum sebagai pampasan dan pencen. Berikan jumlah pecahan mengikut jenis pampasan.

PR-1231-L35905

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sehingga 31 Disember 2009 adalah 1 5,623,635 orang ahli. Dari jumlah tersebut, seramai 113,079 ahli bersamaan 2.01% telah menerima bayaran Skim Insurans Bencana Kerja manakala seramai 206,826 ahli bersamaan 3.68% telah menerima bayaran Skim Pencen Ilat berbanding bilangan pencarum aktif PERKESO.

Jumlah pembayaran pampasan/pukal pada tahun 2009 sebanyak RM 404,399,010 dan bayaran pencen/berkala sebanyak RM 950,007,739 berbanding pada tahun 2008 bayaran pampasan/pukal adalah RM 323,884,677 dan pencen di bawah

---

1Data yang berkenaan masih belum diaudit



kedua-dua skim berkenaan adalah RM 862,200,318.

Pecahan Bayaran Pampasan (Faedah) dan Pencen adalah seperti berikut:

<b>Faedah-Faedah</b>	<b>2008</b>	<b>*2009</b>
<b>Bayaran Pampasan/Pukal</b>	<b>RM</b>	
Hilangupaya Sementara (HUS)	94,063,947	104,007,611
Hilangupaya Kekal Pukal (HUK)	158,445,279	214,519,510
Faedah Pengurusan Mayat	12,231,968	13,383,956
Faedah Perubatan	4,936,282	4,916,986
Pemulihan Jasmani dan Vokasional	54,207,201	67,570,947
<b>Jumlah</b>	<b>323,884,677</b>	<b>404,399,010</b>
<b>Bayaran Pencen/Berkala</b>		
Hilangupaya Kekal Berkala (HUK)	56,179,040	60,322,730
Faedah Orang Tanggungan (FOT)	151,523,040	160,222,349
Elaun Layanan Sentiasa	12,077,442	13,371,741
Pencen dan Bantuan Hat	243,447,308	266,934,687
Pencen Penakat	398,973,488	449,156,232
<b>Jumlah</b>	<b>862,200,318</b>	<b>950,007,739</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,186,084,995</b>	<b>1,354,406,749</b>

KK/BP91.10)294/6-73 SJ.B / (2)

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARI RADA

:DATO\*

ISMAIL BIN KASIM (ARAU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2010 'hOU\*w fcOO : IS

Dato' Ismail Bin Kasim (Arau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan Malaysia dapat terus maju dan berdaya saing dalam usaha memulihkan ekonomi negara seperti mana kebangkitan beberapa kuasa ekonomi baru di rantau Asia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Malaysia sejak suku keempat 2009 telah kembali mencatat pertumbuhan positif pada kadar 4.5 peratus setelah mengalami kemerosotan atau pertumbuhan negatif selama tiga suku tahunan berturut-turut. Perkembangan yang menggalakkan ini adalah hasil usaha Kerajaan dalam melaksanakan strategj pemulihan ekonomi termasuk dua Pakej Rangsangan Ekonomi serta disokong oleh persekitaran global yang beransur pulih.

2. Sungguhpun kini kita berada dalam persekitaran ekonomi dan perdagangan global yang beransur pulih, ekonomi Malaysia terus berhadapan dengan cabaran, terutamanya persaingan sengit

daripada ekonomi-ekonomi baru di rantau Asia. Perkembangan ini memerlukan usaha gigih negara kita untuk sentiasa bergerak pantas, malah melakukan lonjakan berganda ke arah mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Kerajaan sedar, tan pa perubahan dan tindakan pantas dan berkesan, negara akan terus terperangkap dalam kelompok negara berpendapatan sederhana.

3. Sehubungan ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi dan program bagi memastikan Malaysia dapat terus maju, berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi persaingan yang sengit daripada ekonomi-ekonomi baru di rantau Asia. Ini termasuk:

- i. Memperkenalkan Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan;
- ii. Meliberalisasikan 27 subsektor Perkhidmatan dan Kewangan; ili. Melaksanakan NKRA dan KPI; [6 NKRA iaitu mengurangkan kadar jenayah; memerangi rasuah; meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan; meningkat taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah; memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman; serta menambah baik pengangkutan awam];
- iv. Memansuhkan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing dan menubuhkan Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS);
- v. Melancarkan Amanah Saham 1 Malaysia untuk menggalakkan

- pelaburan dan meningkatkan pendapatan;
- vi. Mewujudkan *Performance Management Delivery Unit* atau PEMANDU untuk mengawasi pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan dan jenteranya agar lebih berkesan dan telus. PEMANDU yang dianggotai oleh pegawai daripada sektor awam dan swasta bekerjasama dengan Kementerian dan agensi bagi menyelia dan menyokong pelaksanaan 6 NKRA dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA).

4. Kerajaan juga akan memperkenalkan Model Ekonomi Baru dalam masa terdekat ini, yang beieraskan kreativiti, inovasi dan produktiviti ke arah mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi. Ini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia melalui proses inovasi yang menyeluruh, merangkumi inovasi tadbir urus dalam sektor awam dan swasta. Kerajaan amat komited dan serius untuk melakukan *total innovation* untuk membawa negara ke tahap ekonomi yang lebih maju.

5. Untuk menjayakan strategi serta prog ram-prog ram yang telah dinyatakan tadi, kerjasama semua pihak adalah perlu untuk memastikan Malaysia dapat terus maju dan berdaya saing ke arah mencapai status ekonomj berpendapatan tinggi.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :      BAGI JAWAB LISAN**

**DARI PAD A                      DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]**

**TARIKH                              16 MAC 2010**

**SOALAN                      :**     35^/6

**Dato' Rashid bin Din [Merbok]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati di atas kejayaan jangka pendek OPS SIKAP setakat ini. Tiadakah JKJR dapat menggubal satu program jangka panjang yang merangkumi semua aspek keselamatan jalan raya yang boleh mengubah sikap pemandu dengan perbelanjaan dan peruntukan sedia ada.

**Jawapan**

Tuan Yang Dipertua,

Ops Sikap merupakan operasi penguatkuasaan bersepadu bagi membendung peningkatan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya sempena musim perayaan. Operasi ini diketuai oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Analisis ke atas pencapaian Ops Sikap tersebut adalah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri atau Polis Diraja Malaysia.

Dalam usaha memastikan jalan raya selamat digunakan oleh pengguna jalan raya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) telah mempunyai satu program jangka panjang iaitu Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010. Di bawah Pelan ini, terdapat 9

strategi dan 52 program yang merangkumi skop pendidikan, penguatkuasaan, kejuteraan dan persekitaran atau juga dikenali sebagai 4E (*Education, Enforcement, Engineering dan Environment*). Di bawah strategi dan program tersebut, terdapat langkah-langkah tertentu yang dilaksanakan dengan tujuan untuk mengubah sikap pemandu. Antaranya ialah melalui kurikulum pendidikan keselamatan jalan raya dalam subjek Bahasa Malaysia di sekolah, menambahbaik kurikulum latihan dan ujian pemandu, memperhebatkan kempen keselamatan melalui media masa dan pendekatan advokasi melalui penglibatan masyarakat. Keseluruhan Pelan ini boleh dimuat turun melalui laman web JKJR iaitu [www.ikir.gov.my](http://www.ikir.gov.my).

JKJR kini sedang menyediakan pelan jangka panjang seterusnya iaitu Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2011-2020 selaras dengan resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu *Decade of Action on Road Safety* 2011-2020.

SJ.B/( 3)

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
(PULAI)

PERTANYAAN : LISAN

TAR1KH : 16.03.2010 SOArUKtki©; i"?

**Datuk** Nur Jazlan bin Mohamed ( Pulai ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan secara terperinci mengenai jumlah subsidi dari segi barangan, bahan bakar, perkhidmatan, percukaian dan makanan asas

yang diberikan kepada rakyat sekarang yang ditanggung oleh Kerajaan sekarang. Sila jelaskan sama ada penarikan semula subsidi bertujuan untuk menghasilkan bajet yang seimbang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, bagi tahun 2010 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM21.42 bilion bertujuan meringankan beban rakyat dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif. Daripada jumlah ini sebanyak RM13.91 bilion diperuntukkan untuk subsidi yang terdiri daripada subsidi Gas Cecair (LPG), diesel dan petrol (RM10.0 bilion), subsidi harga padi, subsidi baja padi, subsidi benih padi sah dan subsidi harga beras (RM1.15 bilion), skim penstabilan minyak masak (RM504 juta), subsidi gula (RM500 juta), subsidi tol (RM394 juta) dan lain-

lain subsidi berjumlah RM1.36 bilion. Manakala peruntukan bagi bantuan pula adalah sebanyak RM7.26 bilion yang merangkumi biasiswa (RM4.08 bilion), pelbagai bantuan untuk pelajar sekolah (RM1.45 bilion), bantuan keluarga miskin (RM360.9 juta), bantuan pelajar IPTA (RM287.3 juta), bantuan OKU (RM205.21 juta), bantuan kanak-kanak prasekolah (RM177.69 juta), bantuan warga emas (RM167.18 juta) dan lain-lain bantuan sebanyak RM535.4 juta. Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM253.5 juta untuk membiayai insentif kepada rakyat seperti insentif kepada pemilik dan pekerja vessel (RM101.5 juta), insentif kepada nelayan (RM69 juta), insentif pengeluaran padi (RM65 juta) dan lain-lain insentif sebanyak RM18 juta.

2. Untuk makluman YB juga, Kerajaan tidak menarik semula mana-mana subsidi semata-mata bagi tujuan menghasilkan bajet yang selmbang. Sebaliknya Kerajaan menyusun semula subsidi yang diberikan dari semasa ke semasa bertujuan untuk memastikan tiada pembaziran berlaku dan supaya subsidi tersebut lebih fokus kepada golongan sasaran.

3. Bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan, Kerajaan mengambil langkah mengurangkan mana-mana perbelajaan yang dirasakan tidak begitu kritikal tetapi pada masa yang sama tetap memastikan sistem penyampaian Kerajaan berfungsi seperti sedia kala.

**NO. SOALAN: 18**

**PERTANYAAN : LISAN**



DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[TANJONG MANIS]

TARIKH 16 MAC 2010  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta

PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) perbelanjaan Kerajaan untuk menampung biasiswa-biasiswa termasuk yuran, tempat tinggal dan makan, perjalanan dan sebagainya dengan terperinci untuk pelajar-pelajar yang mendapat ijazah pertama di luar negara bagi tahun 2001 sehingga 2009; dan
- (b) berapakah kos bagi tujuan yang sama untuk pelajar-pelajar dalam negara.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan Kerajaan untuk menampung biasiswa-biasiswa termasuk yuran, tempat tinggal dan makan, perjalanan dan sebagainya untuk pelajar-pelajar yang mendapat ijazah pertama di luar dan dalam negara bagi tahun 2001 sehingga 2009 adalah seperti berikut:

PERKARA TAHUN.	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	JUMLAH (RM JUTA)
	PERBELANJAAN (RM JUTA)	PERBELANJAAN (RM JUTA)	
2001	121.4	100.2	221.6
2002	108.1	120.9	229.0
2003	187.0	256.7	443.7
2004	176.1	333.0	509.1
2005	148.4	353.6	502.0
2006	144.7	435.4	580.1
2007	156.2	495.2	651.4
2008	323.7	597.6	921.3
2009	306.3	559.3	865.6

\* Jumlah perbelanjaan adalah termasuk yuran, tempat tinggal, makan, perjalanan dan sebagainya bagi Program Ijazah Pertama di dalam dan luar negara.

**SOALAN NO: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARI PAD A                    DATUK SHAMSUL ANUAR NASARAH  
   [LENGGONG]**

**TARIKH                            16 MAC 2010 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Datuk Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perancangan pencalonan Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia:-

- (a) apakah strategi Kementerian untuk melibatkan Kerajaan negeri, pimpinan tempatan dan pelbagai agensi lain bagi menjayakan pencalonan ini; dan
- (b) keuntunganyang bakal diperolehi oleh negara, negeri dan kawasan Lenggong jika usaha ini berjaya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sentiasa bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah dan lain-lain agensi kerajaan berkaitan termasuk NGO dan penduduk tempatan bagi menjayakan pencalonan

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Kerjasama yang diperlukan termasuk dalam perkara berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak, pembangunan infrastruktur, pembangunan dan pengurusan pelancongan dan lain-lain. Dengan adanya kerjasama erat ini segala persiapan bagi pencalonan akan dapat dilaksanakan dengan lancar.

(b) Tapak yang telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia akan termasuk dalam peta pelancongan dunia dan bakal menjadi tarikan pelancong dan para penyelidik dari dalam dan luar negara untuk melawat ke tapak tersebut. Sebagai contoh, Bandar Warisan Dunia Melaka mendapati bahawa selepas setahun disenaraikan, kedatangan pelancongan telah meningkat hampir 30%. Secara tidak langsung ianya menjana pulangan dari segi ekonomi kepada negara, negeri dan kawasan Lenggong itu sendiri melalui kedatangan ramai pelancong.

NW: 20

**SJ.B/(5)**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TANSRIDATO' SERI ONG KA TING (KULAI)**

**PERTANYAAN LISAN**

**TAR1KH : 16.03.2010 20**

**Tan Sri Dato' Ong Ka Ting (Kulai) minta MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 1 dan 2 telah dilaksanakan dengan berjaya dan nyatakan butiran mengenai berapa jumlah peruntukan kewangan di bawah PRE 1 dan 2 telah disalur ke sistem ekonomi Negara kita sehingga 31 Disember 2009 dan berapa jumlah dijangka akan dapat dibelanjakan dalam 2010.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pakej Rangsangan Ekonomi 1 dan 2 telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi menangani krisis kewangan global dan seterusnya telah berjaya mengeluarkan ekonomi negara dari belenggu kemelesetan. Hasil usaha gigih Kerajaan dengan kerjasama padu semua pihak, ekonomi negara telah berjaya mencatatkan pertumbuhan di luar jangkaan sebanyak 4.5% dalam tempoh suku

keempat 2009 sebahagiannya disumbangkan oleh pertumbuhan memberangsangkan sektor pembinaan. Sektor pembinaan telah mencatatkan perkembangan kukuh sebanyak 9.2 % dalam tempoh - suku keempat disokong oleh aktiviti yang lebih cergas bagi subsektor bukan kediaman dan kerja-kerja pertukangan khas berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Pertumbuhan sektor pembinaan juga telah merangsang pertumbuhan sektor-sektor lain seperti pembuatan dan perkhidmatan yang mana sektor-sektor ini berkembang dengan kukuh sebanyak 5.3% dan 5.1%. Selain itu, keyakinan para pelabur juga telah meningkat berikutan prestasi ekonomi yang semakin baik. Ini jelas dilihat apabila Indeks FBM KLCI mencatatkan peningkatan ketara sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diumumkan. FBM KLCI telah melonjak sehingga 1,321.43 mata pada 11 Mac 2009 berbanding 855.25 mata pada 10 Mac 2009.

Berdasarkan perkembangan ekonomi semasa adalah jelas PRE telah berjaya menyuntik ke dalam sistem ekonomi negara dan seterusnya merancak pertumbuhan ekonomi. Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2009, sejumlah peruntukan RM20.7 bilion telah diagihkan kepada Kementerian dan agensi yang mana sebanyak RM6.7 bilion di bawah PRE 1 dan RM14 bilion bagi PRE 2. Daripada pengagihan ini, sebanyak 116,617 projek bernilai RM16.3 bilion di bawah kedua-dua PRE sedang dan telah dilaksanakan dan sejumlah RM12.2 bilion pembayaran telah dibuat. Sebanyak 90,093 projek telah siap dibina. Sebahagian besar projek adalah kerja-kerja membina dan membaik pulih rumah serta penambahbaikan sistem pengangkutan awam, pembangunan modal insan berkualiti dan pembinaan, membaik pulih serta menaik taraf sekolah, balai polis, hospital, jalan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

4-w..

Bagi tahun 2010, baki peruntukan berjumlah RM8.5 bilion akan dibelanjakan untuk meneruskan projek-projek PRE. Untuk makluman, sehingga 19 Februari 2010, sejumlah RM17 bilion nilai projek sedang dan telah dilaksanakan dan bayaran berjumlah RM13.9 bilion telah pun dibuat. Dengan jangkaan perbelanjaan ini, ia akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara

**SOALAN NO : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN  
[KENINGAU]  
TARIKH 16 MAC 2010  
SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah masalah Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu dapat penyelesaian muktamad.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Beberapa langkah telah diambil dalam menangani masalah semasa di Hospital Queen Elizabeth iaitu perancangan secara jangka pendek dan jangka panjang yang akan siap menjelang tahun 2013. Ini akan menjadikan jumlah katil di hospital-hospital Kementerian Kesihatan di Kota Kinabalu meningkat kepada 2,235 katil yang mana mencukupi untuk menampung keperluan rakyat mendapatkan perkhidmatan

kesihatan yang lebih efektif.





Dalam hubungan ini, langkah-langkah yang diambil adalah terdiri daripada:

- (i) Bagi memastikan perkhidmatan perubatan tidak terjejas, Kementerian juga telah melaksanakan 4 kerja-kerja di bawah “darurat” di mana 2 daripada projek tersebut telah siap dilaksanakan, 1 dalam pelaksanaan dan 1 lagi akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Dengan pelaksanaan projek darurat ini, perkhidmatan perubatan di Blok Menara dapat beroperasi seperti sedia kala termasuk perkhidmatan pembedahan.
- (ii) Kementerian telah membeli Sabah Medical Centre yang kini dikenali sebagai Hospital Queen Elizabeth 2 (HQE 2) pada bulan September 2009. Di samping itu, projek pengubahsuaian Hospital Queen Elizabeth 2 ini akan dimulakan sebaik sahaja kontraktor projek ini dilantik. Ini akan menambah sebanyak 284 katil lagi bagi memberi lebih ruang kepada pesakit-pesakit di Kota Kinabalu dan Sabah secara amnya. Jumlah katil juga akan bertambah selepas kontrak sewaan Hospital swasta SMC tamat dengan KKM selepas 2 tahun penyewaan. Pusat Jantung yang akan beroperasi di Hospital Queen Elizabeth 2 akan mula memberikan perkhidmatan pada bulan April 2010. Ini akan menambah lagi perkhidmatan kepakaran yang disediakan untuk rakyat Sabah.
- (iii) Di samping itu pembinaan Blok Menara Berkembar baru adalah dalam proses tender dan dijangka akan dapat dimulakan pada tahun ini. Projek ini akan dapat menyediakan 661 katil lagi bagi

kegunaan rakyat Kota Kinabalu khususnya dan Sabah secara amnya. Tempoh pelaksanaan projek ini dijangka 30 bulan dari tarikh masuk tapak.

- (iv) Pesakit-pesakit yang ditempatkan di Blok Menara Hospital Queen Elizabeth telah dipindahkan ke 4 buah hospital iaitu Hospital Mesra Bukit Padang, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Hospital QE 2 (SMC) dan Pusat Penjagaan Lingzhi yang disewa.

**SOALAN NO : 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP  
BIN BUMBURING @ WILFRED  
[TUARAN]  
TARIKH 16 MAC 2010  
SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Tuaran di Sabah merupakan satu-satunya hospital ini yang tidak mempunyai kamar atau wad dan bilakah pembinaan fasa kedua dimulakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum akan perkara ini dan untuk makluman, Hospital Tuaran yang ada sekarang adalah pelaksanaan projek di bawah Fasa 1 pada tahun 1993 di mana perkhidmatan yang disediakan adalah untuk menyalurkan perkhidmatan kesihatan bagi rawatan pesakit luar sahaja. Oleh yang



demikian, pembinaan Hospital Tuaran Fasa 1 dibina dengan tidak disediakan kemudahan katil.

Bagi Perancangan pembinaan Hospital Tuaran Fasa 2, perkhidmatan yang akan disediakan melibatkan perkhidmatan rawatan pesakit dalam di mana ianya melibatkan keperluan katil dan wad. Buat masa ini rekabentuk Fasa 2 yang dihasilkan menyediakan sebanyak 56 katil. Pihak JKR juga diminta untuk menyediakan kos bagi 76 katil supaya Kementerian Kesihatan mempunyai pilihan untuk pelaksanaan projek ini.

Memandangkan RMK-9 akan berakhir pada tahun ini maka projek ini akan diteruskan dalam projek sambungan di bawah RMK-10.

**NO. SOALAN : 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD**  
**[ KUALA SELANGOR ]**  
**TARIKH 16 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah - langkah mampan bagi meningkatkan sumbangan pelaburan swasta atau ' Private Investment'

dalam formula GDP, yang merosot dari sumbangan 30% kepada KDNK dalam tahun 90-an sebelum krisis 1997, tetapi kini hanya menyumbang 10% kepada KDNK.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan sumbangan pelaburan swasta kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Antara langkah strategik tersebut termasuklah menggalakkan persaingan sihat dengan melonggarkan syarat pelaburan, mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian sektor awam,

meningkatkan pelaksanaan program penswastaan dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Kesemua langkah ini akan menyumbang ke arah peningkatan pelaburan swasta.

Penyertaan sektor swasta dalam pembangunan koridor juga amat dialu-alukan bagi menggiatkan aktiviti ekonomi terutama dalam sektor berpotensi nilai ditambah yang tinggi serta mempunyai kesan limpahan dan pengganda yang besar. Pada masa yang sama, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu juga memainkan peranan sebagai peneraju dalam menggiatkan aktiviti sumber pertumbuhan baru ekonomi dalam negeri. Kerajaan terus menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) terpilih terutama dalam bidang baru dan berteknologi tinggi.

Di samping itu, Kerajaan akan terus meningkatkan peranan sebagai pemudah cara yang efektif dengan menyemak dan menghapuskan sekatan dan peraturan yang boleh menghalang kemasukan pelabur termasuklah masalah kekurangan tenaga buruh, rasuah, jenayah dan sebagainya. Kerajaan juga dijangka meningkatkan liberalisasi sektor perkhidmatan dengan lebih banyak di masa hadapan dan tidak terhad kepada 27 subsektor sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan swasta mudah terjejas dan amat sensitif kepada turun naik pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2000, sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK adalah sebanyak 13.4% tetapi merosot kepada 10.3% pada tahun 2009 berikutan kemelesetan ekonomi. Namun begitu, sumbangan pelaburan swasta sebenarnya



telah meningkat

dari tahun 2004 sehingga 2008 dan lebih tinggi berbanding dengan pelaburan awam. Peningkatan ini selaras dengan pertumbuhan KDNK (harga sebenar) yang tinggi, terutamanya bagi tahun 2004 dan 2007 yang telah melepasi paras 6%.

Kerajaan mensasarkan pertumbuhan pelaburan yang lebih menggalakkan pada tahun 2010 berikutan aktiviti ekonomi kembali pulih dengan KDNK disasar meningkat kepada 6% berbanding dengan pertumbuhan negatif 1.7% pada tahun 2009.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

Pertanyaan  
Daripada Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ]

Tarikh Menjawab 16 Mac 2010 (Selasa)

Soalan [ No. 24 ]

**Datuk Siringan bin Gubat [Ranau]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tahap penyelidikan tentang vitamin-vitamin yang terkandung daripada buah kelapa sawit seperti khasiat awet muda dan pencegahan penyakit kanser.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Minyak sawit merupakan minyak yang kaya dengan fitonutrien seperti tokol, karoten, fitosterol, skualen, ko-enzim Q10, polifenol dan fosfolipid. Hasil penyelidikan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mendapati bahawa tokol dari sawit yang terdiri dari alfa tokoferol (Vitamin E) dan khususnya tokotrienol berupaya untuk:

- i. melambatkan perkembangan kanser payu dara melalui penyekatan penyebaran sel kanser, menghalang kemusnahan sendiri sel (*apoptosis*) dan mencegah keradangan;

- ii. menghantar tokotrienol ke sasaran eksklusif kanser menggunakan teknologi *tocotrienol encapsulation* yang diberikan melalui suntikan *tocotrienol intravenous*; dan
- iii. melindungi kecederaan otak akibat serangan angin ahmar.

Di samping itu, penyelidikan oleh MPOB turut mendapati bahawa karoten dapat meningkatkan daya keimunan melalui peningkatan bilangan sel-sel keimunan yang turut berupaya untuk merencatkan perkembangan kanser payu dara.

Di samping itu, tokotrienol didapati bertindak lebih baik sebagai antioksidan berbanding alfa tokoferol dalam proses melambatkan penuaan. Proses penuaan adalah dikaitkan dengan kemusnahan sel-sel organ manusia dan antioksidan bertindak memperlambatkan kemusnahan sel-sel manusia.

**Soalan No :**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATO* LILAH BIN YASIN (JEMPOL)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16.03.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ] minta Menteri Pelajaran menyatakan**

- (a) **Berapa peratus pelajar yang gagal menguasai asas 3M (Membaca, Menulis dan Mengira); dan**

- (b) Apakah punca ianya berlaku dan apakah tindakan untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Data Pemulihan Khas sehingga Oktober 2009 menunjukkan, peratus murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) setelah diberi bantuan dan bimbingan melalui Program Pemulihan Khas ialah 8.12 peratus.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dan sedang menyediakan program-program bagi menangani masalah gagal menguasai asas 3M. Di peringkat sekolah, Program Pemulihan Khas disediakan bagi murid yang

mempunyai masalah 3M yang tegar. Setiap sekolah rendah dibekalkan seorang guru luar norma bagi menangani masalah ini. Bagi murid yang mengalami masalah 3M yang ringan, guru-guru digalakkan menjalankan sesi pemulihan dalam kelas.

Di samping itu, program Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk tahun 1, juga diperkenalkan bermula pada tahun 2006 hingga 2009. Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), mulai tahun 2010, KPM telah melaksanakan Program *Literacy* dan *Numeracy* (LINUS). Pelaksanaan saringan LINUS peringkat pertama iaitu pada 1 hingga 5 Mac 2010 adalah untuk mengenai pasti murid yang tidak menguasai asas Literasi dan Numerasi. Murid- murid ini akan mengikuti program LINUS bagi mengatasi masalah tersebut.

Setelah mengikuti program LINUS, saringan kedua akan dilaksanakan pada bulan Jun bagi mengenai pasti tahap Literasi dan Numerasi (LINUS). Sebagai langkah pemulihan, penjaga murid yang mempunyai masalah LINUS tegar (tidak menguasai konstruk 1 dan 2) akan disarankan membuat pemeriksaan kesihatan murid itu. Pemeriksaan kesihatan itu bagi memastikan sama ada murid tersebut tergolong dalam murid berkeperluan khas (pemulihan khas) atau sebaliknya.

Rjm 2

MNSLS  
SJ.B/(7)

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU  
(KOTA KINABALU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.03.2010 5oAUH ^0**

**Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa begitu banyak "cabutan istimewa" bagi perjudian 4 nombor ekor dibenarkan selain daripada juaian mingguan di Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan hanya meluluskan sebanyak dua puluh (20) hari cabutan khas (*special draw*) secara serentak untuk semua operator nombor ramalan (NFO) di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak bagi tahun 2010 berbanding dua puluh tujuh (27) hari pada tahun 2009. Jumlah hari cabutan khas yang diluluskan oleh Kerajaan bagi tahun 2010 berkurangan sebanyak tujuh (7) hari daripada cabutan khas yang diluluskan pada tahun 2009.

**NO. SOALAN: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN:**

**YB. DATO' KAMARUDDIN BIN JAFFAR**

**DARIPADA:**

**[TUMPAT]**

**16 MAC 2010**

**TARIKH:**

**SOALAN:**

- 27. PR-1231-L36120**  
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilakah Kerajaan akan membenarkan Petronas membayar royalti kepada Kerajaan Negeri Kelantan.**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.**

**AW. 9-%**

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

	LISAN
<del>PERTANYAAN</del>	Y.B. TUAN TAN KOK WAI
KAWASAN	CHERAS
TARIKH	16.3.2010 (Selasa
NO. SOALAN	) 28

Y.B. TUAN TAN KOK WAI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sebab-sebab mengapa Malaysia yang pada suatu masa dahulu menjadi destinasi pelaburan kawasan terpilih tetapi sekarang telah hilang dari radar layar pelaburan asing terutama Pelaburan Terus Asing dan apakah dasar pemulihan yang Kerajaan perkenalkan untuk memperbetulkan situasi tersebut.

Tawapan:

Tuan Yang diPertua,

Malaysia terus kekal sebagai destinasi yang menarik dan kompetitif bagi aliran masuk pelaburan ke dalam sektor perkilangan. Pada tahun 2008, jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan adalah berjumlah RM62.8 bilion berbanding dengan RM59.9 bilion pada tahun 2007. Jumlah pelaburan pada tahun 2008 merupakan yang tertinggi dicatatkan setakat ini dan adalah melebihi dua kali ganda sasaran setahun yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Bagi tahun 2009 pula, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan telah mengalami penurunan ekoran krisis kewangan dan ekonomi





dunia yang melanda kepada RM32.6 bilion. Walaupun menunjukkan penurunan, ianya masih melebihi sasaran yang ditetapkan di dalam IMP3 iaitu RM27.5 bilion setahun.

Tuan Yang diPertua,

Kerajaan kini melipatgandakan usaha untuk menarik FDI dan memastikan FDI berkualiti terus mengalir masuk ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Kementerian ini telah memperkenalkan pendekatan berfokus ataupun "targeted approach", dengan izin, bagi menggalakkan kemasukan pelaburan dan menangani krisis ekonomi semasa. Sasaran pelaburan asing pada masa ini adalah untuk menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya di dalam sektor-sektor berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia.

Kementerian juga telah mempergiatkan lagi aktiviti promosi pelaburan di mana bagi tahun 2010 sejumlah 6 misi penggalakan pelaburan telah dan akan dilaksanakan ke Eropah, Amerika Svarikat, China, Tepun, Korea, Singapura, dan India. Misi proiek spesifik juga dianjurkan untuk menarik pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini.

Di samping itu, Kementerian juga mengambil peluang semasa misi penggalakan pelaburan untuk mengadakan mesyuarat dan perbincangan berasingan dengan para industrialis dan pelabur berpotensi seperti yang telah dijalankan semasa lawatan ke Emiriyah Arab Bersatu dan Terman pada tahun 2009.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dan inisiatif baru bagi menggalakkan kemasukan FDI yang akan memudahkan dan menvediakan perkhidmatan kepada para pelabur serta meningkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang terpilih di Asia, seperti berikut:

- meliberalisasikan 27 subsektor di bawah sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perniagaan dan perkhidmatan komputer dan

yang berkaitan mulai April 2009;

- melonggarkan Garis Panduan Tawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) pada 30 Tun 2009 untuk memperkukuhkan persekitaran perniagaan dan kawal selia bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia;
- menganjurkan promosi perdagangan di Malaysia iaitu Pameran Perdagangan Antarabangsa (INTRADE) dan Malaysia International Halal Showcase (MIHAS);
- menganjurkan beberapa Persidangan Antarabangsa pada tahun 2009 seperti World Chambers Congress 2009 dari 3 hingga 5 Jun 2009, dan Forbes Global CEO Conference 2009 dari 28 hingga 30 September 2009 yang telah memberi pendedahan kepada svarikat MNCs asing yang menghadiri persidangan tentang iklim pelaburan di Malaysia. Selain itu, ia juga merupakan landasan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi utama untuk menialankan perniagaan di rantau ini; dan



**SJ.B/(8)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA  
(PADANG TERAP)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.03.2010 SOM2w k)i9 2^**

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria ( Padang Terap ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh mana Malaysia Islamic Financial Center (MIFC) berjaya meningkatkan industri pasaran modal Islam di Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara teras utama Malaysia Islamic Financial Center (MIFC) adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat originasi, pengedaran dan perdagangan sukuk dan juga pusat pengurusan dana Islam di mana kedua-duanya mempunyai kaitan

---

2 menarik perhatian CEO asing dan industrialis terkemuka untuk melawat Malaysia bagi menghadiri acara antarabangsa dan membiasakan mereka dengan persekitaran dan potensi pelaburan yang terdapat di Malaysia. MITI telah menjemput seramai 20 CEO berpotensi dari India, China dan Asia Barat untuk menghadiri ke penganjuran Formula One Grand Prix 2009 yang akan berlangsung dari 2 hingga 4 April 2010 di mana beberapa program berkaitan pelaburan dan pelancongan telah digariskan semasa lawatan CEO tersebut ke Malaysia kelak.

secara langsung dengan pasaran modal Islam seperti berikut:

1. Pusat Originasi, Penedaran dan Perdagangan Sukuk/Bon Islam

2. Di bawah teras ini, tumpuan utama adalah menjadikan Malaysia sebagai pusat originasi utama sukuk/bon Islam. Mengikut perangkaan setakat Disember 2009, 63% atau USD75.6 bilion jumlah sukuk yang belum dilunaskan (*outstanding sukuk*) di peringkat global adalah sukuk-sukuk yang diterbitkan di Malaysia. Ini menjadikan Malaysia sebagai pusat originasi sukuk terbesar di dunia.

3. Pasaran sukuk Malaysia juga telah berkembang pada kadar tahunan sebanyak 20% sejak tahun 2002. Setakat September 2009, 58% dari jumlah bon-bon (bon konvensional dan sukuk) yang diterbitkan di Malaysia adalah sukuk/bon Islam. Setakat suku keempat 2009, 48.5% sukuk yang diterbitkan pada peringkat global adalah sukuk dalam mata wang ringgit.

4. Bursa Malaysia kini merupakan pusat penyenaraian sukuk terbesar di dunia dengan nilai senarai berjumlah USD\$18.8 bilion (Januari 2010). Ianya mendahului bursa-bursa global dunia seperti Nasdaq Dubai, London Stock Exchange dan Tadawul Saudi Arabia. Mengikut Thomson Reuters, CIMB, AMMB Holding dan Malayan Banking merupakan institusi-institusi yang berada di tempat kelima teratas carta liga (*league table*) pengurusan originasi sukuk global (Februari 2009 - Februari 2010).

**II. Pusat pengurusan dana Islam**

5. Setakat Februari 2010, 12 syarikat telah dilesenkan sebagai Pengurus Kumpulan Wang Islam di Malaysia yang mana antaranya adalah syarikat-syarikat pengurus dana antarabangsa seperti

Aberdeen Islamic\* BNP Paribas Islamic, Amundi Islamic (dulu dikenali sebagai Credit Agricole), Nomura Islamic, Prudential Al-Wara' dan KFH Asset.

6. Syarikat-syarikat ini telah memutuskan untuk bertapak di Malaysia berdasarkan inisiatif-inisiatif MIFC. Tujuan mereka adalah untuk membuat Malaysia sebagai hub kewangan Islam bagi syarikat-syarikat tersebut terutamanya bagi aktiviti pengurusan dana dan kekayaan secara Islam.

7. Ernst & Young di dalam laporannya bertajuk *Islamic Funds & Investment Report 2009*, menyatakan Malaysia mempunyai pilihan dana yang terbesar di dunia. Bagi jumlah aset yang diuruskan (*asset under management*), Malaysia berada di tempat kedua selepas Arab Saudi.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]**

**TARIKH 16 MAC 2010**

#### **SOALAN:**

**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan Kerajaan telah pun melancarkan Program Transformasi

Kerajaan (PTK). Sejauh manakah komitmen penjawat awam dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kefahaman anggota perkhidmatan awam terhadap pelaksanaan dasar tersebut. Apakah tindakan dan hukuman yang akan diambil terhadap anggota perkhidmatan awam yang ingkar, cuai dan tidak memberikan komitmen yang tinggi.

**JAWAPAN:**

**Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Kerajaan (PTK) adalah program untuk mentransformasikan Kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat serta memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju dengan standard kehidupan yang tinggi untuk semua. Bagi memastikan kejayaan PTK, Kerajaan telah mengadakan 8 makmal Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah ditubuhkan pada awal Oktober 2009, di mana lebih 250 orang penjawat awam daripada pelbagai Kementerian, agensi dan jabatan dari



seluruh negara serta wakil-wakil dari beberapa badan bukan kerajaan dan kumpulan sukarela terlibat dalam makmal-makmal tersebut. Keanggotaan dalam setiap makmal adalah gabungan penjawat awam dan wakil agensi-agensi lain. Secara langsung atau tidak langsung, semua penjawat awam berperanan dalam memastikan pelaksanaan 8 NKRA tersebut.

Bagi memastikan penjawat awam memahami konsep PTK, sesi-sesi penerangan secara berterusan dijalankan. Pelaksanaan PTK mewujudkan sistem pengurusan prestasi yang profesional dan objektif. Ia memerlukan usaha dan komitmen berterusan daripada pelbagai pihak termasuk penjawat awam. Bagi penjawat-penjawat awam yang berprestasi rendah, tindakan-tindakan pemulihan di jalankan mengikut mekanisma-mekanisma yang sedia ada.



**JAWAB LISAN**

**DARIPADA** **TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**TARIKH** **16 MAC 2010 (SELASA)**  
**SOALAN** **NO.31**  
**PERTANYAAN**

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan tahap dan mutu pembelajaran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini. Adakah IPTA kita mencapai piawai bagi memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dan peluang melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti ranking tertinggi di dunia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) mempunyai empat fasa pelaksanaan bermula tahun 2007 sehingga melangkaui tahun 2020. Pelaksanaan fasa-fasa tersebut memerlukan masa dan usaha berterusan yang akhirnya akan membawa kepada kecemerlangan IPT tempatan. Berdasarkan Laporan Kemajuan Pelaksanaan PSPTN yang dikeluarkan setiap enam bulan, banyak kemajuan yang telah dicapai termasuk pencapaian pelaksanaan 21 agenda kritikal yang di antaranya ialah governan (autonomi); kepimpinan; akademia; pengajaran dan pembelajaran; penyelidikan dan pembangunan;

pengantarabangsaan; kebolehpasaran graduan; Universiti Apex; MyBrain15; pembangunan holistik pelajar dan akademia - industri.

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan IPT Kementerian Pengajian Tinggi yang merupakan satu kajian tahunan untuk mengesan destinasi pertama graduan selepas menduduki peperiksaan di tahun akhir sehingga tarikh menghadiri majlis konvokesyen, iaitu lazimnya dalam lingkungan enam bulan, menunjukkan terdapat peningkatan dalam peratusan graduan IPTA yang bekerja dalam tempoh tersebut iaitu 42.2% tahun 2006, 47.7% tahun 2007, 50.5% tahun 2008, dan 42.5% tahun 2009. Manakala peratusan graduan yang belum bekerja pula menunjukkan penurunan ialah 31.0% tahun 2006, 24.9% tahun 2007, 21.7% tahun 2008 dan 23.4% tahun 2009. Faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi peratusan graduan bekerja ialah seperti keadaan ekonomi semasa dan penawaran tempat di pasaran pekerjaan, namun keseluruhannya peratusan graduan bekerja menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.

Pada masa ini graduan IPTA tidak menghadapi masalah untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi di universiti tersohor dunia. Universiti-universiti di United Kingdom, Amerika Syarikat, negara Eropah dan seluruh dunia sememangnya mengiktiraf program-program pengajian di IPTA. Dalam usaha meningkatkan kualiti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi, Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), telah melaksanakan penilaian jaminan kualiti yang merangkumi penilaian akreditasi sementara, perakuan akreditasi dan Audit Prestasi Akademik (*Academic Performance Audit, APA*).

PERTANYAAN

LISAN

**SOALAN ( 32 )**

TARIKH **16 MAC 2010 (SELASA)**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
DARIPADA **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**  
Y.B. TUAN ER TECK HWA

(BAKRI)

**SOALAN**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatdkan hasil siasatan jkr atas status keselamatan kolam renang Muar.

- (a) apakah perancangan selanjutnya bagi kolam renang tersebut ;dan
  
- (b) kos yang terlibat dan tempoh masa yang dikehendaki jika kerja baik pulih dilancarkan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kompleks kolam renang terletak di Jalan Sultanah di dalam kawasan Tanjung Ketapang, Muar. Ianya dibina di atas rezab kerajaan pada sekitar tahun 1976/1977 bagi tujuan pembangunan sukan Majlis Sukan Sekolah Johor (MSSJ) di bawah perbiayaan Kerajaan Negeri Johor, walau bagaimanapun kolam tersebut telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Muar untuk tujuan penyelenggaraan dan pengurusan.

Kolam renang tersebut merupakan satu-satunya kolam bersaiz Olimpik pada waktu itu di mana ianya mempunyai kedalaman maksima 20 kaki . Oleh yang demikian penyelenggaraan kolam tersebut amat tinggi dan kurang sesuai untuk penggunaan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

ini disebabkan kadar bayaran masuk untuk 2 jam adalah sekitar RM0.50 hingga RM1.00 sahaja dengan purata pengunjung sekitar

800 hingga 1200 orang sebulan. pendapatan bulanan hasil dari kutipan tiket ialah RM500.00 hingga RM1,000.00 sedangkan kos pengurusan dan penyelenggaraan dianggarkan berjumlah RM15,000.00 hingga 20,000.00 sebulan.

Disebabkan kurang pengalaman dan kos operasi yang tinggi, pihak Majlis Perbandaran Muar telah menswastakan kolam tersebut malangnya operator tersebut telah mengalami kerugian dan gagal menjelaskan bayaran kepada pihak Majlis Perbandaran Muar. Tambahan pula kerosakan pam telah berfungsi selama 10 tahun memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi untuk penggantian baru.

Pihak Majlis juga telah membuka tawaran bagi mana-mana pihak untuk membangunkan semula kolam secara usaha sama namun sehingga kini tiada sebarang pihak yang dapat memberikan kertas kerja yang sesuai dan menyakinkan untuk memajukan kolam renang tersebut

Disebabkan kerosakan pam dan mesin penapis maka kolam tersebut tidak lagi berfungsi sejak 15 tahun lalu. Tambahan pula keseluruhan fasiliti kolam tidak boleh digunakan dan mengalami kerosakan dan pembinaan baru bangunan kompleks diperlukan bagi tujuan pengoperasian semula kolam renang tersebut

Anggaran pembinaan semula kompleks tersebut berjumlah lebih kurang RM2 juta hingga 3 juta dengan segala fasiliti dan keperluan yang baru. Pembinaan semula kolam renang tersebut amat perlu bagi menepati keperluan masyarakat sama ada untuk bersukan atau beriadah bagi semua peringkat umur.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2010

**NO SOALAN : 33**

**PERTANYAAN : LISAN**



*SULIT*

DARIPADA	Y.B DATO' HAJIMAHFUZ BIN OMAR ( POKOK SENA)
TARIKH	16.03.2010 (SELASA)

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah syarat-syarat dan pertimbangan yang digunakan oleh Kerajaan untuk menghentikan khidmat pesawat-pesawat pejuang dan peralatan-peralatan Tentera Malaysia untuk digantikan dengan yang baru.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat-syarat dan pertimbangan yang digunakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menghentikan khidmat pesawat-pesawat pejuang dan peralatan-peralatan kapital hendaklah memenuhi salah satu kriteria berikut:

1. Memenuhi 2 daripada 3 faktor berikut:
  - a. Telah melebihi Had Umur Ekonomik.
  - b. Telah melebihi Jarak/ Perbatuan Ekonomik.
  - c. Telah melebihi Had Kos Pembaikan Yang Ekonomik.
2. Peralatan yang telah mengalami kerosakan yang teruk.
3. Peralatan telah terbukti hilang.
4. Alat ganti peralatan kapital tidak diperolehi atau pihak pengeluar asal mengesahkan tidak lagi mendapat jaminan sokongan alat ganti.

*SULIT*

5. Apabila peranan sesuatu peralatan kapital disahkan tidak diperlukan atau peranan yang dikehendaki tidak dapat dilaksanakan.
6. Apabila disahkan berlaku perubahan dan peningkatan teknologi terhadap sesuatu peralatan dan peningkatan ini menyebabkan secara tidak langsung peralatan berkenaan menjadi usang.
7. Apabila tahap keselamatan dan kebolehharapan sesuatu peralatan disahkan terus menurun dan akan membahayakan keselamatan pengguna.

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
(IPOH BARAT)

TARIKH 16.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH BARAT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) bilangan pelajar matrikulasi dan STPM mengikut kaum sejak 5 tahun lalu; dan
- (b) kenapakah sistem peperiksaan kedua-dua kaedah berbeza.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha menyediakan pendidikan pra universiti melalui penawaran kelas Tingkatan 6 di sekolah harian terpilih dan penubuhan 13 buah Kolej Matrikulasi termasuklah 3 buah Kolej Matrikulasi Teknikal. KPM juga menyediakan bantuan pendidikan untuk pelajar yang layak melalui Biasiswa Kecil Persekutuan Pra Universiti (BKPU). Berikut adalah enrolmen pelajar matrikulasi dan STPM<sup>2</sup> mengikut kaum sejak 5 tahun: *SULIT*

i. Bilangan Pelajar Tingkatan 6

Memo Pertanyaan DR/16/03/10/DATO' HJ MAMFUZ BIN OMAR

\*

Kaum	Melayu/ Bumiputera		Cina		India		Lain-Lain	
	6 Atas	6 Bawah	6 Atas	6 Bawah	6 Atas	6 Bawah	6 Atas	6 Bawah
2005	41,969	39,421	17,204	15,342	5,217	4,316	750	480
2006.....	39,600	42,128	15,394	18,418	4,404...	4,491	546	352
2007	58,253	37,497	39,340	12,532	5,922	3,595	2,281	477
2008	29,989	36,587	11,276	12,117	3,112	3,189	466	411
2009	31,577	34,160	11,667	12,692	2,828	3,114	602	649

ii. Bilangan Pelajar Matrikulasi

Tahun	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2005	19,773	2,223
2006	17,166	1,841
2007	19,304	1,960
2008	17,606	2,028
2009	17,232	1,618

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun peperiksaan kedua-dua sistem pengajian ini iaitu Matrikulasi dan STPM berbeza kerana STPM dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), manakala Matrikulasi dikendalikan oleh Bahagian Matrikulasi, KPM, namun, kedua-dua program Matrikulasi dan STPM melaksanakan peperiksaan yang digubal dan ditaksir oleh badan bebas untuk menjamin kualiti dan ketelusan. Piawai dan aras ditentukan oleh pihak yang bebas dan bukan merupakan peperiksaan dalaman. Pelajar tidak dibenarkan bebas memilih peperiksaan kerana modus operandi kedua program tersebut berbeza dan juga sistem penilaian yang berbeza.

KPM juga telah menyamaratakan silibus Matrikulasi dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) berdasarkan subjek yang sama di kedua program/peringkat tersebut. Dari segi silibus dan mutu, adalah setara. Namun demikian, perbezaan di antara kedua program tersebut adalah melalui kaedah pelaksanaan dan tempoh program. Program Matrikulasi dijalankan dalam dua semester atau satu tahun dan peperiksaan akhir diadakan setiap akhir semester, manakala STPM dikendalikan selama

satu setengah tahun dan peperiksaan dijalankan hanya sekali di akhir program iaitu semasa peringkat Tingkatan Enam Atas.

Rjm 3

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB DATO' IBRAHIM BIN ALI</b> <b>[PASIR MAS]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16 MAC 2010</b>

**SOALAN:**

**YB Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci kedudukan pembahagian ekonomi Negara mengikut kaum sehingga 31 hb Disember 2009. Berapakah jumlah penguasaan ekonomi oleh kaum bukan Bumiputera, pihak asing dan kaum Bumiputera mengikut sektor seperti ekonomi dan pendidikan dalam semua bidang dan aspek.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dapat di nikmati dan di kongsi secara saksama oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kumpulan etnik. Dasar-dasar pembangunan berdasarkan prinsip "pertumbuhan dengan

pengagihan yang saksama” yang dilaksanakan selama ini terbukti berupaya merapatkan jurang ketidakseimbangan ekonomi antara kumpulan etnik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekuiti Bumiputera telah meningkat daripada 18.9% pada tahun 2004 kepada 19.4% pada tahun 2006. Ekuiti bukan Bumiputera juga meningkat daripada 40.6% kepada 43.9% dalam tempoh yang sama. Bagi warga asing pula, pemilikannya mencatatkan penurunan daripada 32.5% pada tahun 2004 kepada 30.1% pada tahun 2006. Dari segi pemilikan premis komersial, Bumiputera mencatatkan peningkatan daripada 11.7% pada tahun 2005 kepada 15% pada tahun 2007. Pemilikan premis komersial bagi kaum bukan Bumiputera turut meningkat daripada 76.5% pada tahun 2005 kepada 79.9% pada tahun 2007.

Peratusan Profesional Bumiputera dalam lapan profesion utama juga turut meningkat dalam hampir semua bidang . Antara yang menunjukkan peningkatan adalah Juruukur daripada 47.2% pada tahun 2005 kepada 51.1% pada tahun 2008, Arkitek daripada 33.7% kepada 37%, serta Akauntan daripada 6.2% kepada 6.9% dalam tempoh yang sama.

Kerajaan akan terus berusaha untuk merapatkan lagi jurang ekonomi di kalangan rakyat agar ketidakseimbangan sosioekonomi dapat

terus diperbaiki.

**/CA/** \* 3 7 .  
SJ.B/(9)

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA            TENGKU RAZALEIGH HAMZAH  
  (GUAMUSANG)

PERTANYAAN    :    LISAN

TARIKH             :    16.03.2010

Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah wang royalti yang telah dibayar kepada Sabah dan Sarawak sejak Petronas beroperasi hingga hari ini dan bagaimana pula dengan negeri-negeri lain di Persekutuan Tanah Melayu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak mula beroperasi hingga hari ini, PETRONAS telah membayar wang royalti sebanyak

RM5.97 bilion kepada Negeri Sabah, RM17.40 bilion kepada Negeri Sarawak dan RM24.8 bilion kepada Negeri Terengganu. Mulai tahun 2010, PETRONAS juga telah membayar wang ihsan kepada Negeri Kelantan sebanyak RM25.60 juta.

**SOALAN NO. 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (DAP)**

**(SEPUTEH)**

**TARIKH 16 MAC 2010 ( SELASA)**

**SOALAN**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (DAP) (Seputeh) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kenapakah laporan kajian 30% penyertaan wanita dalam pembuat keputusan yang telah siap lama masih belum diumumkan kepada Ahli Parlimen, badan bukan kerajaan dan publik. Apakah sebab kelewatan pengeluaran laporan tersebut dan apakah pelan tindakan Kementerian untuk sasaran tersebut.

**JAWAPAN:**



Tuan Yang di-Pertua,

Kajian mengenai 30 peratus penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan memang telah disiapkan dan Pelan Tindakan ke arah mencapai sasaran tersebut juga telah disediakan. Memandangkan cadangan yang diperakukan dalam Pelan Tindakan tersebut ada yang melibatkan perubahan rangka kerja perundangan dan struktur, maka Kementerian perlu memastikan Pelan Tindakan tersebut dapat diterima dan mendapat sokongan padu daripada pihak-pihak berkepentingan yang akan terlibat dalam melaksanakan cadangan dan perakuan berkenaan sebelum ia dikemukakan kepada Kerajaan untuk kelulusan.

SOALAN 41

PEMBERITAHU  
AN  
PERTANYAAN  
PERTANYAAN  
DEWAN  
DARIPADA RAKYAT

LISAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]

TARIKH

16 MAC 2010

SOALAN

Meminta MENTERI  
PELANCONGAN menyatakan:

**Memandangkan projek pelancongan Eye On Malaysia dilaporkan rugi dan pemiliknya telah mengambil tindakan mahkamah:-**

- a) adakah Kerajaan terlibat secara langsung dalam projek ini dan berapakah kerugian yang dialami oleh Kerajaan; dan**
- b) apakah sebab-sebab utama projek ini gagal dan adakah projek sedemikian akan terus diterima di masa hadapan.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Adalah menjadi dasar Kementerian Pelancongan untuk menjadikan industri pelancongan negara sebagai satu sektor yang mampan, berdaya maju dan berkualiti dalam memberi sumbangan kepada pembangunan sosio ekonomi negara. Sehubungan itu, Kementerian sentiasa berusaha untuk mempromosikan sektor pelancongan negara secara profesional, efektif dan berterusan agar dapat memenuhi cita rasa serta memberi kepuasan kepada para pelancong.**

**Dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik, Kerajaan sentiasa menitik-beratkan pembangunan projek-projek pelancongan demi manfaat negara amnya dan rakyat khususnya.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat bangkitkan adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, Yang Berhormat boleh memohon penjelasan berhubung isu dan perkara ini daripada Kerajaan Negeri.**

**PERTANYAAN** **LISAN**  
**DARIPADA** **TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**  
**TARIKH** **16 MAC 2010**  
**RUJUKAN** **2579**  
**NO. AUM : 42**  
**SOALAN:** **NO. AUP :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**NEGERI** menyatakan kedudukan kes penipuan (fraud) korporat sepanjang tahun 2004 hingga 2009, kategori, amaun terlibat, punca jumlah kerugian, kes pendakwaan dan hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah kolar putih ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya kes-kes jenayah kolar putih menunjukkan peningkatan. Mengikut statistik pihak polis, bagi tempoh bulan Januari 2004 hingga 2009, sebanyak 9,899 kes di rekodkan bagi tahun 2004, 8,952 kes pada tahun 2005, 9,813 kes pada tahun 2006, 10,160 kes pada tahun 2007, 17,311 kes pada tahun 2008 dan 24,590 kes pada tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis mengklasifikasikan kes-kes jenayah komersil kepada 10 kategori utama iaitu Tipu, Pecah Amanah Jenayah, Salahguna Harta, Jenayah Siber, Pemalsuan, Wang Palsu, Pengubahan Wang Haram, Ah Long (APPW) dan Kes VCD/DVD/Lucah. Sepanjang tahun 2004 hingga 2009, kes-kes penipuan dan pecah amanah jenayah adalah penyumbang utama kepada jumlah kes jenayah komersil di mana kadar kenaikan adalah sebanyak 70.5 % setiap tahun.

Tuan Yang Dipertua,

Kes-kes jenayah kolar putih ini banyak menyebabkan kerugian kewangan dan menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada sepanjang tahun 2004, sebanyak RM 836,357,599.00 kerugian telah di catatkan.

Manakala, pada tahun 2005, kerugian yang di catatkan telah menurun kepada RM 799,059,972.00 dan pada tahun 2006, jumlah tersebut telah meningkat kepada RM 839,253,366.00. Tahun 2007 mencatatkan jumlah kerugian paling banyak iaitu sebanyak RM1,988,959,768.00 telah dicatatkan. Manakala bagi tahun 2008 dan tahun 2009, jumlah kerugian masing-masing adalah RM 854,585,369.83 dan RM1,300,467,939.91.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat beberapa punca berlakunya jenayah kolar putih ini antaranya ialah kegawatan ekonomi, kelemahan tadbir urus korporat, kemajuan teknologi, jenayah transnasional, globalisasi dan kepelbagaian teknik dan modus operandi.

**NO SOALAN : 43**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B TUAN LIEW CHIN TONG  
( BUKIT BENDERA)**

**TARIKH 16.03.2010  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kos penyelenggaraan jenis pesawat MIG dan F18 sejak tahun 2000, sama ada siasatan dalaman TUDM untuk mengenalpasti tahap penyelewengan dalam ATSC yang telah mengakibatkan kos penyelenggaraan MIG lebih mahal**

*SULIT*

beberapa kali ganda daripada jenis pesawat lain.  
**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian menunjukkan kos pembelian alatganti dan pembaikan bagi pesawat MIG-29N adalah 70% lebih tinggi berbanding dengan kos bagi pesawat F-18. Bagi setiap satu jam pengoperasian pesawat MIG-29N kadar kos pembelian alatganti dan pembaikan adalah sebanyak RM49 juta berbanding dengan pesawat F-18 sebanyak RM29 juta.

Tiada penyelewengan dikesan atau dilaporkan di dalam pembelian alatganti dan pembaikan komponen di *Aerospace Technology System Corporation (ATSC)*. Kos penyelenggaraan pesawat MIG-29N lebih tinggi adalah kerana kos alatganti dan pembaikan komponen pesawat tersebut adalah jauh lebih mahal.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BAGI JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' HENRY SUM AGONG (LAWAS)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16 MAC 2010 (SELASA)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>44</b>

**Dato' Henry Sum Agong** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada kerajaan mempunyai perancangan untuk mengadakan kemudahan perhubungan alternatif iaitu keretapi dari Kota Kinabalu, Sabah ke Kuching, Sarawak.

**JAWAPAN** Tuan

Yang Dipertua,

Kerajaan pada masa kini masih belum mempunyai perancangan untuk membina landasan keretapi menghubungkan Kota Kinabalu, Sabah ke Kuching, Sarawak. Cadangan projek tersebut memerlukan kajian yang terperinci bagi menentukan jajaran landasan yang sesuai, berdaya-maju dan sebagainya bagi memastikan pelaksanaan projek tersebut memberikan impak yang tinggi kepada aspek pembangunan sosio- ekonomi di kedua-dua negeri kelak memandangkan pembinaannya melibatkan kos yang amat tinggi. Kerajaan juga belum bercadang untuk melaksanakan kajian berkenaan dalam waktu yang terdekat.



*SULIT*

**NO SOALAN :45**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B DATO' NGEH KOO HAM ( BERUAS)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16.03.2010 (SELASA)</b>

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah jumlah wang yang digunakan oleh Kerajaan untuk membina 6 kapal perang di TLDM Lumut dan adakah benar kapal perang yang sudah siap seperti KD Selangor dan KD Perak tidak berupaya melancarkan 'torpedo' untuk peperangan dan kapal-kapal ini sekarang hanya digunakan sebagai kapal peronda sahaja.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kapal ini di bina di Boustead Naval Shipyard Sdn.Bhd. Lumut di bawah projek perolehan 6 buah Kapal Peronda Generasi Baru atau *New Generation Patrol Vessel* (NGPV) dengan nilai kontrak berjumlah RM 6.75 bilion. Kapal-kapal ini adalah jenis Kapal Ronda dan tidak mempunyai peralatan anti-kapal selam serta torpedo.**

**SOALAN NO.**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MANOGARAN A/L  
MARIMUTHU (TELOK  
INTAN)**

**TARIKH**

**16 MAC 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

**46**

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu minta MENTERI  
PENGANGKUTAN**

menyatakan baru-baru ini sebuah jalan dari Tanjung Malim ke Teluk Intan telah dibina dan hampir siap. Bolehkah Kementerian memulih balik servis keretapi ke Teluk Intan memandangkan trafik dari Kelang, Ipoh dan Kuala Lumpur ke Teluk Intan yang makin meningkat.

**JAWAPAN**

uan Yang Dipertua,

Kerajaan pada masa ini belum mempunyai perancangan untuk menghidupkan kembali landasan keretapi Teluk Intan. Landasan keretapi bagi cawangan Teluk Intan kali terakhir digunakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada tahun 1994. Kajian terperinci perlu dibuat bagi memastikan pembaikpulihan landasan ini memberikan impak positif ke atas pembangunan ekonomi dan sosio-ekonomi penduduk sekitarnya.

**PEMBERITAHIAN PERTANYAAN DEWAN**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**BERTANYAAN**                    **Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**  
**DARIPADA**

**TARIKH**                         **16 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kedudukan sebenar dan jumlah kos sebenar untuk pembinaan lebuh raya Segari ke Changkat Jering, Taiping dan bila jalan raya tersebut boleh siap.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum mengenai keperluan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 60 (FT60), dari Taiping ke Lumut, Perak. Jalan ini merupakan laluan alternatif kepada Jalan Persekutuan 1 dan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) yang sering digunakan oleh kenderaan- kenderaan berat untuk mengangkut kargo dari pelabuhan Pulau Pinang ke Lumut dan sebaliknya. Berdasarkan Bancian Lalu-Lintas Kebangsaan 2008, jalan satu lorong sehala (*single carriageway*)

dengan reka bentuk geometri JKR R3 ini mencatatkan jumlah trafik harian sebanyak 13,200 kenderaan sehari dan ia sepatutnya belum mencapai kapasiti trafik untuk dinaikkan taraf kepada dua lorong sehalu (sekurang-kurangnya 20,000 kenderaan sehari).

Walaupun bagaimanapun, atas dasar keprihatinan dan kesejahteraan penduduk di sepanjang laluan tersebut, Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Negeri Perak telah berunding dan bersetuju untuk mempercepatkan pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Persekutuan 60 (FT60), iaitu dari Kg. Batu Tiga, Manjung hingga ke Changkat Jering, Taiping sepanjang 70 kilometer dalam tempoh RMKe-9. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa projek ini akan dilaksanakan mulai tahun ini (2010) di mana peruntukan RMKe- 9 telah diluluskan sebanyak RM20 juta bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja awaian dan reka bentuk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos keseluruhan untuk pelaksanaan projek ini ialah sebanyak RM700 juta, termasuk kos reka bentuk, pengambilan tanah dan pengalihan utiliti. Pembinaan fizikal dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2011 dengan tempoh siap selama 36 bulan, tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dalam RMKe-10.

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED

**TARIKH:** 16 MAR 2010

**SOALAN:**

Y.B. Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah pencapaian siswazah yang menganggur mengikuti program latihan industri yang dianjurkan oleh Kementerian telah mendapat pekerjaan dibidang yang dilatih.

PR-1231-L35227

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan program Latihan dan Penempatan bagi siswazah menganggur. Objektif program ini adalah bagi memberi latihan kemahiran baru, meningkatkan tahap kebolehpekerjaan (*employability*) dan membantu siswazah dari segi penempatan pekerjaan.

Sehingga 1 Mac 2010, seramai 8,527 siswazah telah mengikuti program latihan dalam 50 bidang kemahiran. Antara bidang kemahiran yang disertai ialah *Piping/Vessel Installation, Non-Destructive Test, Automation Technician dan Aircraft Services/Mechanic*. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,640 siswazah telah berjaya mendapat pekerjaan. Jumlah penempatan siswazah dijangka akan meningkat memandangkan beberapa program latihan akan tamat pada hujung bulan Mac 2010 dan penempatan pekerjaan mengikut bidang latihan akan dilaksanakan oleh penyedia- penyedia latihan mulai bulan April 2010.

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:**                    **BAGI JAWAPAN LIS AN**

**DARIPADA:**                    **YB. TONY PUA KIAM WEE**  
   **[PJ UTARA]**

**TARIKH:**                         **16 MAC 2010**

**SOALAN:**

- 49. PR-1231-L36054**  
Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi dan kedudukan syarikat 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) sejak ianya ditubuh, termasuklah pelaburan yang telah dibuat dan nilai '*current assets*', '*return on equity*' dan '*total assets*'.

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.**

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.A (33)

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
NEGARA, MALAYSIA**

**DARIPADA** **TUAN SIM TONG HIM**  
**(KOTA MELAKA)**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** : **16.03.2010** : **51**

**Tuan Sim Ting Him (Kota Melaka)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) sama ada Kerajaan akan menghapuskan atau menangguhkan cukai barangan atau perkhidmatan (GST); dan
- (b) bilangan bantahan yang diterima, nama-nama badan yang membantah dan asas bantahan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan belum lagi menetapkan tarikh sebenarnya untuk melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan dengan itu isu untuk menghapus



atau menanggung GST tidak berbangkit. Tindakan yang diambil oleh



kerajaan hanya membentangkan Rang Undang-Undang GST untuk bacaan kali pertama dan tarikh bacaan kali kedua dan ketiga belum ditetapkan lagi. Pada masa sekarang kerajaan sedang dalam proses untuk memberi penerangan kepada rakyat mengenai pelaksanaan GST.

Sehingga kini, Kementerian Kewangan telah dimaklumkan bahawa Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan MTUC tidak menyokong pelaksanaan GST dimana antara asas bantahan mereka adalah isu kenaikan harga. Namun, banyak juga persatuan-persatuan pengguna seperti FOMCA, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), pihak peniaga dan rata-rata rakyat yang ditemui menyokong pelaksanaan GST kerana mereka berpendapat GST adalah satu sistem percukaian yang mempunyai banyak kelebihan berbanding sistem percukaian sedia laitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Mr-,

PERTA  
NYAAN  
DARIPADA

PEMBE  
RITAHU  
AN  
PERTA  
NYAAN  
DEWAN  
RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN  
DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN  
TAIB [LANGKAWI ]

TARIKH  
16 MAC 2010

SOALAN  
52

**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengadakan terminal baru feri di Kuala Kedah dan Kuala Perlis memandangkan keadaan terminal tersebut mengalami kecetekan dan semasa air surut sukar untuk feri 'long site' walaupun hanya sebuah. Berapakah perbelanjaan untuk 'desilting' dan adakah 'desilting' berkesan.

**JAWAPAN** Tuan

Yang DiPertua,

Kementerian dan Jabatan Laut sedang mengkaji kesesuaian cadangan membina Terminal Penumpang baru di Kuala Kedah dan Kuala Perlis di lokasi yang lebih sesuai. Walaubagaimanapun, buat sementara waktu Kerajaan akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf terminal-terminal tersebut bagi keselesaan pengguna.

Di bawah Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10), anggaran kos yang terlibat bagi pengerukan adalah sebanyak RM35.0 juta sekali bagi setiap lokasi dengan jumlah RM 140 juta bagi kedua-dua terminal feri. Kerja pengerukan secara berkala diadakan selama 2 tahun sekali. Kerja pengerukan terakhir ke atas kedua-dua terminal feri ini ialah pada tahun 2007 dengan kos sebanyak 54 juta.

**SOALAN NO: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :      JAWAB LISAN**

**DARIPADA            TUAN DING KUONG HIING**

**[ SARIKEI ]**

**TARIKH                16 MAC 2010 (SELASA)**

**SOALAN:**

Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan dan rancangan Kementerian yang telah diambil untuk mengatasi masalah kecurian kabeI telefon di Bahagian Sarikei, sedangkan penduduk kawasan luar bandar Sarikei sangat memerlukan talian telefon via Internet untuk capaian Streamyx. Nyatakan juga rancangan Kementerian mengatasi masalah ini dalam RMK-10 nanti.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat banyak kes kecurian kabel dan kabel usang yang telah berlaku di kawasan Parlimen Sarikei. Perangkaan bagi tahun 2006 hingga 2009 menunjukkan



bahawa sebanyak 125 kes yang telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 kes telah diganti manakala 66 kes lagi tidak diganti kerana kes kecurian kabel yang berulang di kawasan berkenaan. Ini menyebabkan pihak TM tidak mampu untuk mengganti kabel di kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi membolehkan perkhidmatan dapat terus diberikan kepada masyarakat setempat, pihak TM telah menggantikan perkhidmatan telefon tersebut dengan menggunakan perkhidmatan telefon tanpa wayar menerusi teknologi *Code Division Multiple Access* atau "CDMA". Masyarakat setempat dan pengguna dapat menggunakan perkhidmatan "CDMA" tersebut bagi membuat dan menerima panggilan telefon sama seperti perkhidmatan telefon biasa.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2010)**

---

**DARIPADA                    TUAN HAJI NASHARUDIN    BIN MAT ISA**

**[BACHOK]**

**PERTANYAAN :    LISAN**

**TARIKH                    16 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan sejumlah RM15 juta untuk**

**NO. SOALAN: 54**

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan setakat ini berapakah jumlah yang telah didahulukan kepada ibu-ibu tunggal mengikut negeri-negeri dan berapakah jumlah yang telah diperolehi kembali daripada pembayar nafkah ini.

**JAWAPAN: Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usul penubuhan Kumpulan Wang Sokongan Keluarga (KWSK) akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada sidang Parlimen Penggal Ketiga ini bagi tujuan penyaluran dana Kerajaan Persekutuan berjumlah RM15 juta untuk Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Setelah KWSK diluluskan oleh Parlimen barulah peruntukan tersebut akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang tersebut dan kemudian akan diberikan kepada ibu-ibu tunggal yang layak sebagai pendahuluan nafkah sepertimana yang diperintahkan oleh Mahkamah.

Sekian, terima kasih



SOALAN NO.: 55

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA : **LISA**  
**DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**

[PAYA BESAR]

TARIKH : 16 MAC 2010

SOALAN

Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan masalah penjualan pasir ke negara luar yang berleluasa dan sama ada penjualan ini dalam kawalan Kerajaan sepenuhnya.

AWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeksporan pasir terutamanya pasir laut yang dikorek di luar perairan negeri (melebihi 3 batu nautika) adalah dilarang oleh Kerajaan Malaysia. Larangan eksport pasir ini telah dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri yang meliputi pasir laut yang dikorek di kawasan perairan negeri dan juga pasir darat.

Walaupun eksport pasir ke negara luar dilarang tetapi pengorekan pasir laut dan pasir darat masih dibenarkan untuk tujuan kegunaan dalam negara. Kebenaran ini tertakluk kepada bidang kuasa sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Kerajaan sentiasa memantau kegiatan pengorekan pasir dan aktiviti ini berada di dalam kawalan kerajaan sepenuhnya. Penguatkuasaan di laut dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan-jabatan berkenaan yang diterajui oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM).

Pengeksportan pasir silika dibenarkan tertakluk kepada permit eksport yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO<sup>1</sup> SERI ONG KA CHUAN  
[TANJONG MALIM]

TARIKH 16 MAC 2010

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan berapa banyakkah pembuangan barangan elektrik dan elektronik (e-waste) dalam negara pada tahun 2009. Apakah dasar Kementerian berhubung dengan pengurusan pembuangan barangan elektrik dan elektronik yang memudaratkan alam sekitar pada masa sekarang dan strategi yang digunakan untuk menguruskannya dengan berkesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada pengawasan yang dijalankan oleh

Jabatan Alam Sekitar (JAS), pembuangan barangan elektrik dan elektronik (e-waste) di Malaysia adalah terkawal, di mana tiada sebarang kejadian pembuangan haram e-waste dilaporkan. Ini disebabkan e-waste ini mempunyai nilai komersial di mana ianya mengandungi logam-logam berharga seperti tembaga, emas, perak dan sebagainya yang boleh diperolehi kembali. Daripada rekod JAS, kuantiti e-waste yang terkumpul dalam negara pada tahun 2009 adalah sebanyak 134,035 metrik tan.

Dasar dan strategi Kementerian dalam pengurusan e-waste adalah sepertimana termaktub dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Peraturan ini memperuntukkan untuk pemerolehan kembali e-waste seboleh mungkin. E-waste yang tiada nilai komersial perlu dilupuskan di tapak/premis yang dilesenkan oleh pihak JAS.

Sekian, terima kasih.

SJ.B/(15)

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU)</b>
<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>: 16.03.2010</b>
	<b>SOAW-H»JO &lt; 5^-</b>

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai iengkap semua projek- projek yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi- agensi Kerajaan Persekutuan yang telah menggunakan duit khas royalti petroleum di Negeri

**Terengganu dari tahun 2000 hingga 2010 serta jumlah kos yang terlibat.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran Dana Khas Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2000 dalam bentuk projek di Negeri Terengganu adalah sebanyak RM7.72 bilion yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan jabatan.**



2. Program/projek yang dilaksanakan ini adalah dalam bentuk prasarana asas (elektrik, air dan jalan), pendidikan, kebajikan, perumahan dan kesihatan yang memberi manfaat kepada golongan

sasaran berikut:

- (i) Penduduk miskin;
- (ii) „„J/Varga emas;
- (iii) Ibu tunggal;
- (iv) Orang Kurang Upaya(OKU);
- (v) Nelayan dan Petani;
- (vi) Pelajar; dan
- (vii) Usahawan dan Peniaga Kecil.

Antara program/projek yang dilaksanakan adalah termasuk Projek Jalan/Jambatan/Lapangan Terbang sebanyak RM3.85 bilion, Projek Bekalan Air Bersih sebanyak RM813.36 juta, Program/Projek Pelajaran sebanyak RM567.53 juta, Projek Pertanian sebanyak RM335.06 juta, Projek Pembangunan Luar Bandar sebanyak RM266.91 juta dan Program/Projek Pembangunan Usahawan sebanyak RM221.62 juta.

**PERTANYAAN :**      **JAWAB LISAN**

**DARIPADA**              **DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**TARIKH**                **16 MAC 2010 (SELASA)**

**SOALAN NO: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah peranan pihak Kementerian untuk membantu rakyat yang tidak mampu melangani ASTRO bagi menonton program-program TV yang sedia ada di Malaysia seperti TV1, TV2 dan TV3 khasnya di bahagian pedalaman.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah menjalankan kajian untuk menyediakan perkhidmatan Radio dan TV di kawasan pedalaman. Bagi capaian TV3, Kementerian sentiasa menggalakkan Media Prima Berhad untuk menambah bilangan pemancar sendiri atau mengadakan perkongsian pemancar dengan RTM, sekiranya sesuai.

Selain itu, Kementerian juga bercadang untuk membolehkan penyediaan *transponders* dibuat melalui kemudahan menara telekomunikasi.

**NO SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG**

**TARIKH : 16 MAC 2010**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak SPRM sanggup pergi ke England untuk mengambil keterangan dan merakam sesi soal siasat daripada Balasubramaniam a/l Perumal di hadapan peguam beliau seperti yang diminta oleh beliau. Jika tidak, mengapa?

**JAWAPAN DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes ini masih lagi dijalankan. SPRM bersedia untuk menemui Balasubramaniam a/l Perumal bagi merekodkan pernyataannya di mana-mana lokasi yang difikirkan sesuai dan selesa oleh beliau.



*m>ti*

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KETIGA,  
PARLIMEN KE DUA BELAS**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD (HULU  
SELANGOR)**

**TARIKH 16 Mac 2010**

**SOALAN 61**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat meningkatkan daya kajian dan penyelidikan di Malaysia, sedangkan Kerajaan hanya memperuntukkan 0.6 peratus daripada KDNK di dalam kegiatan R&D.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Perbelanjaan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe9) adalah sebanyak 0.64 peratus daripada Keluaran Dalaman Negara Kasar(KDNK).

Kementerian Kewangan telah memperuntukkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebanyak RM2.916 billion di dalam RMKe-9 bagi membiayai projek-projek R,D&C. Sehingga kini, sebanyak RM2.15 billion telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

Dalam usaha Kementerian untuk memastikan kajian terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat dipertingkatkan, Kementerian telah memberikan keutamaan yang tinggi kepada aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C) yang berorientasikan pasaran dan berupaya meningkatkan kadar pengkomersilan R&D. Ini adalah selaras dengan sasaran RMKe-9, supaya kadar pengkomersilan projek R&D mencapai 10%. Selain itu, langkah-langkah sedang diambil dengan memperkukuh dan memantapkan aktiviti di sepanjang rantaian nilai R,D&C seperti berikut:

- Merancang penubuhan Pusat Inovasi Negara (MyNIC) dan Pusat Kecemerlangan Inovasi (InnoCoE) sebagai usaha memangkinkan aktiviti R,D&C;
- memperhebatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dan perolehan teknologi dari luar negara dalam bidang ICT, Bioteknologi, Industri, Atmosfera Laut dan Angkasa serta Sains Asas, Teknologi dan Aplikasi;
- menyediakan sumber pembiayaan berasaskan kepada rantaian nilai R,D&C bagi memastikan tiada jurang pembiayaan dalam usaha meningkatkan aktiviti R&D;
- menentukan bahawa pemberian geran adalah berdasarkan

kepada bidang keutamaan negara dengan mengambil kira analisis keperluan industri, dasar-dasar negara yang digubal dari masa ke semasa, bidang-bidang keutamaan yang ditentukan dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun dan bidang yang dijangka boleh memberi impak yang berkesan kepada pembangunan negara. Bidang-bidang keutamaan pada masa ini ialah seperti perubahan iklim (*climate change*), tenaga boleh diperbaharui, nanoteknologi, bioinformatik, dan teknologi makanan;

- menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam bidang R&D yang lebih meluas dengan memastikan projek R&D yang diperakukan mempunyai nilai pasaran yang tinggi, berisiko rendah, mewujudkan *matching grant* dengan kadar 1:1 dan Kerajaan memberi jaminan kepada projek-projek R&D yang akan dijalankan; dan
- meningkatkan kerjasama antara institusi penyelidikan (RI) dan institusi pengajian tinggi (IPT) dengan pihak industri.

Sekian, terima kasih.



*SULIT*

**NO SOALAN : 62**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA Y.B TUAN LIM GUAN  
ENG ( BAGAN)**

**TARIKH 16.03.2010  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada penilai bebas antarabangsa akan dilantik untuk menentukan sebabnya 2 buah kapal selam SCORPENE tidak dapat menyelam dan apakah pelan kontingensi sekiranya tidak dapat diperbaiki. Siapakah yang bertanggungjawab dan tindakan ke atasnya serta nyatakan kos pembelian dan lain berkaitan dengannya.**

*SULIT 1*

SULIT

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah teknikal kapal selam SCORPENE KD Tunku Abdul Rahman telah dapat diatasi oleh pembekal. Masalah teknikal yang dihadapi adalah masalah biasa yang masih dalam jaminan dan merupakan tanggungjawab pembekal sepenuhnya. Oleh itu tiada keperluan untuk mendapatkan penilai bebas antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan kapal selam berkenaan telah dibuat secara runding terus dengan syarikat pembuat iaitu Syarikat ARMARIS dari Perancis dan Syarikat NAVANTIA dari Sepanyol. Nilai kontrak perolehan kapal selam berkenaan ialah EUR01.084 bilion yang meliputi harga pembelian 2 buah kapal selam baru, latihan untuk warga kapal selam, pakej bantuan lojistik bersepadu (*Integrated Logistics Support*) dan alat ganti serta penyediaan kemudahan pelatih kapal selam dan tim projek. Kapal selam SCORPENE yang kita miliki merupakan kapal selam diesel generasi terbaru yang direka bentuk mengikut teknologi kapal selam nuklear Tentera Laut Perancis. Ia dilengkapi dengan peralatan termoden yang ada dalam pasaran semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

2

*SULIT*

*SULIT*

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
JAWAPAN:  
TARIKH  
SOALAN**

**JAWAB LISAN PUAN  
TAN AH ENG 16 MAC  
2010 (SELASA) NO.63**

**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan**

- (a) berapakah kolej komuniti yang telah ditubuhkan di seluruh negara dan sambutan serta maklum balas rakyat terhadap program ini; dan
- (b) adakah pihak Kementerian merancang untuk menubuhkan sebuah kolej komuniti di Parlimen Gelang Patah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada umumnya kemajuan kolej komuniti dan sambutan masyarakat amatlah menggalakkan semenjak ditubuhkan pada tahun 2000. Sehingga Januari 2010, terdapat 42 buah kolej komuniti induk dan 22 buah kolej komuniti cawangan yang sudah beroperasi. Manakala sehingga Julai 2009, enrolmen pelajar di kolej komuniti pula telah meningkat kepada seramai 17,279 orang.





Kolej komuniti juga berperanan sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat dimana sejak tahun 2006 hingga Julai 2009, seramai 401,946 peserta telah mengikuti kursus-kursus pendek dalam pelbagai bidang.

Kajian pengesanan graduan tahun 2009 yang mengumpul data dalam tempoh 6 bulan selepas pelajar menamatkan pengajian, mendapati sebanyak 46.0% lulusan kolej komuniti telah berkerja, 9.1% melanjutkan pengajian, 1.1% meningkatkan kemahiran, 2.7% menunggu penempatan pekerjaan dan 41.1% belum bekerja.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan kolej komuniti di Gelang Patah telah disenaraikan dalam RMKe-10.

**NO. AUP : 6^**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]  
**TARIKH** 16 MAC 2010

**NO. AUM**

**RUJUKAN                    2547**

**SOALAN:**

**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah KPI yang telah ditentukan untuk menilai keberkesanan Kementerian Dalam Negeri dan apakah penilaian terhadap prestasinya pada masa ini.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, Kementerian Dalam Negeri telah mengenalpasti empat (4) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berasaskan kepada unsur-unsur mencapai kepentingan dan kesejahteraan rakyat iaitu:-

- (a) **Jumlah** akta yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri yang dipinda, ditambah baik dan dimansuhkan. Keutamaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri;
- (b) **Peratusan** penyelesaian rayuan dan permohonan tertunggak kewarganegaraan;
- (c) **Peratusan** penyelesaian permohonan dan rayuan tertunggak permit masuk; dan
- (d) **Peratusan** penyelesaian permohonan tertunggak daftar lewat kelahiran.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2009, Kementerian Dalam Negeri telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi kesemua KPI yang tersebut di atas seperti berikut:-

- (a) Pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri telah disediakan. Pindaan tersebut akan dibentangkan di Persidangan Dewan Rakyat pada kali ini;
- (b) Untuk permohonan kewarganegaraan yang tertunggak, sebanyak 32,927 permohonan dari tahun 1997 hingga tahun 2006 telah diselesaikan. Penyelesaian ini dibuat dalam tempoh 11 bulan dari Januari 2009 hingga November 2009;
- (c) Untuk permohonan dan rayuan permit masuk yang tertunggak, sebanyak 16,812 permohonan dan rayuan permit masuk dari tahun 2001 hingga 2008 telah diselesaikan. Penyelesaian ini dibuat dalam tempoh setahun dari Januari 2009 hingga Disember 2009; dan
- (d) Untuk permohonan daftar lewat kelahiran yang tertunggak, sebanyak 93,360 permohonan yang dikemukakan antara tahun 2005 hingga Jun 2009 telah diselesaikan. Penyelesaian ini telah dibuat dalam tempoh setahun iaitu dari Oktober 2008 hingga Oktober 2009.

Kementerian Dalam Negeri telah membuat keputusan untuk

meneruskan KPI tahun 2009 ke dalam tahun 2010 dengan memberikan beberapa tambah nilai terhadap KPI-KPI tersebut.

Soalan No : 65

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B.. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUBANG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16.03.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan Laporan Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan Bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual Terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak 2009 dan cadangan untuk mengatasi isu pendidikan (Bahagian 4.8, mukasurat 97 & 98), menyatakan berapakah jumlah peruntukan kewangan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengukuhkan taraf pendidikan kaum Penan, bagaimanakah peruntukan itu digunakan dan bagaimanakah Kementerian Pelajaran mengesyorkan peruntukan itu disalurkan secara berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti sekolah-sekolah Kerajaan yang lain Sekolah Kaum Orang Asli dan Penan menerima peruntukan kewangan bagi geran per kapita yang disalurkan terus dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti sekolah-sekolah kerajaan yang lain.

Bagi tahun 2009, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM902000.00, yang disalurkan melalui pelaksanaan program-program pendidikan bagi mengukuhkan taraf pendidikan kaum Asli dan Penan seperti:



**Program Outreach Menangani Isu-Isu Pendidikan Murid Kaum Penan pada 1-7 November 2009 di kawasan Ulu Baram;**

**Melaksanakan Projek Rintis pengenalan kepada Kurikulum Bersepadu Murid Orang Asli dan Penan (KAP) di SK Long Luteng, SK Long Kevok, SK Long Jekitan, SK Long Lamei dan SK Long Sait di kawasan Baram, dan SK Lusong Laku di kawasan Balaga;**

**Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Penan (KEDAP); dan**

**KPM sedang menyediakan Sekolah Model Khas Komprehensif K9.**

Soalan No:

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA** Y.B. Dato' Haji Ab. Halim bin  
Ab. Rahman (PENGKALAN  
CHEPA)

**TARIKH** 16 Mac 2010

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan  
Wilayah** menyatakan secara terperinci langkah-  
langkah baru atau program terkini supaya sasaran  
kemiskinan sifar dapat dicapai pada akhir 2012.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan negara dan telah meletakkan sasaran untuk membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar. Di samping itu, kadar kemiskinan negara daripada 5.7% akan dikurangkan kepada tahap 2.8% pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Justeru itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah utama dalam menangani isu kemiskinan ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- i. Memperkukuh dan memantapkan lagi pelaksanaan program-program sedia ada di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan

Rakyat (SPKR) dan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada projek-projek peningkatan pendapatan, program/kursus latihan kemahiran dan penyediaan tempat kediaman yang lebih selesa dan selamat. Memperkukuh dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan melalui penubuhan “**Focus Group**” **Pembasmian Kemiskinan** di peringkat nasional, negeri dan daerah yang berperanan dalam menyelia perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penyaluran peruntukan bagi program/projek pembasmian kemiskinan.

Kerajaan juga **membangunkan pangkalan data kemiskinan nasional yang dikenali sebagai eKasih** dan akan menjadi pusat rujukan utama dalam menyediakan profil komprehensif golongan miskin dan miskin tegar yang akan diberi bantuan.

Kerajaan akan meneruskan **strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden yang tinggi di**

luar bandar melalui program-program seperti **Projek Lonjakan Mega yang berkonsepkan Agropolitan** seperti di Gahai, Pahang dan Pulau Banggi, Sabah serta **Projek Ladang Sejahtera** di Semenanjung Bangkoka, Sabah.

Meneruskan **strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas yang lebih baik** akan digunapakai bagi menangani masalah kemiskinan di kalangan kumpulan minoriti seperti masyarakat Orang Asli di Semenanjung, masyarakat Rungus, Suluk, Orang Sungai dan Tidong di Sabah serta kaum penan, kenyah, kayan dan kedayan di Sarawak.

Kerajaan akan terus **mengembleng kerjasama dengan pihak NGO serta syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)** dalam membasmi kemiskinan melalui inisiatif tanggungjawab sosial.

Antaranya adalah:

- a) Pelaksanaan program pembangunan rumah miskin secara berkelompok seperti dengan syarikat British American Tobacco;
- b) Cadangan untuk bekerjasama dengan F&N Institute of Teh Tarik





bagi membangunkan usahawan luar bandar  
dalam sektor pemakanan;

- c) Perbincangan dengan CIMB Bank untuk membangunkan usahawan luar bandar dalam bidang fertigasi; dan
- d) Kerjasama dengan pelbagai yayasan (NGO) yang melaksanakan program pembangunan modal insan dan pembasmian kemiskinan seperti Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor, Yayasan Sungai Siput Perak, Yayasan Harapan Wilayah
- e) Persekutuan dan Pertubuhan Himpunan Lepas Institusi-institusi Pengajian Tinggi

Malaysia (HALUAN)

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)** \_\_\_\_\_

**DARIPADA**                    **PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]**

**PERTANYAAN**    :    **LISAN**

**TARIKH**                    **16 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah keputusan awal berkenaan peruntukan RM **15** juta sebagai bayaran pendahuluan perintah yang hanya diberikan kepada kaum isteri beragama Islam sahaja. Apakah YAB Perdana Menteri tidak menyedari bahawa isteri bukan Islam turut mengalami kesulitan yang sama ketika melalui proses perceraian ekoran undang-undang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM15 juta diberikan berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh Jabatan

Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang telah menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) iaitu satu Bahagian yang baru dibawah JKSM yang berperanan untuk memastikan perintah-perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dipatuhi. Satu unit pengurusan dana diwujudkan dibawah BSK yang berfungsi untuk memberikan pendahuluan nafkah kepada ibu-ibu tunggal dan anak-anak yang telah memperolehi perintah nafkah tetapi masih gagal dipatuhi oleh bapa/suami atas sebab-sebab tertentu seperti akaun kena tahan, muflis, sementara menunggu rayuan didengar dan sebagainya. Mengambil kira keperluan mereka dan tempoh penguatkuasaan perintah nafkah tersebut terhadap bapa/suami akan mengambil masa, maka Bahagian ini akan memberikan pendahuluan nafkah kepada ibu-ibu tunggal/anak bagi memenuhi keperluan sementara mereka. Pemberian yang diberikan adalah berbentuk pendahuluan kerana setelah perintah nafkah dikuatkuasakan dan dilaksanakan terhadap bapa/suami penghutang penghakiman tadi melalui berbagai cara pelaksanaan yang diperuntukkan didalam Undang-Undang seperti tahan harta Penghutang Penghakiman dan kemudian lelong dan sebagainya. Hasil wang yang diperolehi dari proses penguatkuasaan ini akan dimasukkan semula kedalam Tabung Amanah BSK mengikut jumlah pendahuluan yang telah diberikan kepada ibu-ibu tunggal tadi berdasarkan perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.



Oleh kerana pendahuluan nafkah ini berkait rapat dengan perintah nafkah Mahkamah Syariah dan penguatkuasaan perintah dibuat di Mahkamah Syariah maka sudah tentu peruntukan RM15 juta tadi hanya dapat diberikan kepada mereka yang beragama Islam sahaja.

Manakala bagi kes-kes di Mahkamah Sivil yang berkaitan dengan tuntutan isteri bukan Islam, Kerajaan menyedari kesulitan yang dihadapi dan ia dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

*Ald; ?&*

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN  
RAKYAT,  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA** JAWAB LISAN TUAN HEE LOY SIAN ( PETALING JAYA  
SELATAN )  
**TARIKH NO** 16.03.2010 (SELASA)  
**SOALAN** 70

**TUAN HEE LOY SIAN ( PETALING JAYA SELATAN )** minta **MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**  
menyatakan

- (a) apakah implikasi terhadap ekonomi negara khususnya dan rakyat umumnya apabila Kerajaan mengurangkan atau menghapuskan subsidi gula, tepung dan minyak, dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kenaikan inflasi yang dijangkakan hasil pengurangan dan penghapusan subsidi-subsidi tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

a) Pada tahun 2009, Kerajaan telah memperuntukan bantuan kewangan bagi gula sebanyak RM720 juta, tepung gandum sebanyak RM210 juta dan minyak petrol sebanyak RM3,356 juta. Keputusan pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat berikutan penigkatan kos pengeluaran disebabkan kenaikan harga mentah di pasaran dunia serta senario kemelesetan ekonomi pada ketika itu. Penetapan harga barangan dibuat berdasarkan kos input terutamanya bahan mentah dan kos operasi. Sebarang kenaikan kos input akan menyumbang kepada kenaikan harga.

Dasar kerajaan pada masa ini adalah untuk meliberalisasikan pasaran serta memberi peluang kepada peniaga bersaing secara sihat. Oleh itu, langkah-langkah pemansuhan kawalan harga secara berperingkat-peringkat perlu dilaksanakan. Sekiranya kerajaan menghapuskan subsidi gula, tepung dan minyak secara mendadak, ia akan memberi implikasi yang negatif berikutan penamatan program subsidi akan menjejaskan kredibiliti Kerajaan terutamanya di kalangan rakyat yang telah menikmati faedah besar daripada subsidi gula, tepung gandum dan minyak ini.

Sekiranya tiada bantuan kewangan diberikan, harga gula akan naik mendadak sebanyak RM1.00 sekilogram menjadi RM2.45 sekilogram mengikut harga pasaran. Ini dapat mengurangkan beban tanggungan kewangan oleh kerajaan sebanyak RM1.26 billion setahun tetapi implikasi terhadap kos produk akhir

akan meningkat.

b) Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kenaikan inflasi yang dijangkakan hasil pengurangan dan penghapusan subsidi-subsidi adalah seperti berikut:

Kementerian ini akan membuat simulasi harga barangan terlebih dahulu sekiranya Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan subsidi. Simulasi harga ini akan menunjukkan harga sebenar barang kawalan tanpa subsidi. Maklumat yang diperolehi seperti simulasi harga barangan ini akan diambilkira oleh Kerajaan dalam membuat keputusan mengurang atau menghapuskan subsidi bagi memastikan rakyat tidak dibebankan dengan bebanan kenaikan harga barangan yang tinggi hasil daripada pengurangan atau penghapusan subsidi ini.

Kementerian turut akan mengadakan beberapa siri konsultasi bersama pihak industri untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak industri agar tidak menaikkan harga barangan melebihi kadar dalam peningkatan harga sesuatu barangan kawalan itu. Ini dapat membantu dalam mengatasi kenaikan kadar inflasi di Malaysia.

Selain daripada itu, penguatkuasaan penandaan harga dan penyiasatan kes-kes aduan melibatkan tanda harga dapat memastikan barang-barang kawalan dijual pada harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan penguatkuasaan yang dilakukan adalah dengan membuat pemeriksaan




harga barangan untuk memastikan peniaga tidak melakukan penipuan atau meningkatkan harga barang bersubsidi sekiranya Kerajaan memutuskan untuk mengurangkan mana-mana subsidi.

Sekiranya Kerajaan berhasrat untuk menghapus atau mengurangkan subsidi, Kementerian akan memainkan peranannya menyalurkan maklumat kepada orang ramai melalui program-program kepenggunaan anjuran Kementerian mengenai rasionalisasi pengurangan subsidi dan projek pembangunan lain yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan untuk kepentingan rakyat hasil daripada pengurangan atau penghapusan subsidi tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI**  
**TARIKH**  
**YUSOFF**  
**2010**  **16** **MAC**

**SOALAN**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang telah dibuat bagi mengatasi pencerobohan kereta sewa Thailand dalam membawa penumpang sehingga menjejaskan pendapatan pemandu kereta sewa tempatan. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam membantu meningkatkan pendapatan pemandu kereta sewa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Masalah wujudnya pencerobohan kereta sewa Thailand disebabkan berlakunya penyalahgunaan terhadap kemudahan pengecualian Permit Edaran Antarabangsa (*International*

*Circulation Permit* - ICP) dan insurans yang diberi kepada  
kenderaan Thailand, memasuki negara ini dalam jarak 2 km.  
Pengecualian ini telah dilaksanakan sejak tahun 1994.

Pengecualian ini telah disalahgunakan oleh kereta sewa Thailand untuk membawa penumpang ke negara ini melebihi jarak 2 km tersebut yang secara tidak langsung menjejaskan pendapatan pemandu kereta sewa tempatan.

Di samping itu, terdapat juga kes-kes di mana kenderaan Thailand yang memasuki negara ini mengguna ICP melanggan penumpang- penumpang dari negara ini ke Thailand.

Bagi menangani masalah ini, langkah-langkah berikut telah diambil:

- (a) memperketatkan penguatkuasaan di Stesen Kawalan Sempadan yang beroperasi di pintu-pintu masuk ke Malaysia; dan
- (b) meningkatkan penguatkuasaan di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan kegiatan kereta persendirian Thailand yang beroperasi sebagai kereta sewa.

Sepanjang operasi khas pada bulan Februari 2010, sebanyak 69 buah kenderaan Thailand telah diambil tindakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atas pelbagai kesalahan termasuk salah guna ICP. Sebagai langkah penguatkuasaan berterusan, JPJ sedang mengkaji kemungkinan untuk mendaftarkan semua kenderaan asing ke dalam pangkalan data JPJ bagi memudahkan penguatkuasaan termasuk menyenaraihitam kenderaan pendaftaran negara asing yang melakukan kesalahan di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,  
Seterusnya bagi membantu meningkatkan pendapatan pemandu kereta sewa, Kerajaan telah memperkenalkan kadar tambang baru bagi perkhidmatan kereta sewa mulai 1 Ogos 2009.

Di samping itu, selain daripada beroperasi di perhentian-perhentian kereta sewa, Kerajaan juga telah memperluaskan kawasan operasi kereta sewa di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di pusat membeli belah dan tempat-tempat pelancongan tertakluk kepada kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

NO.AUM

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]  
**TARIKH** 16 MAC 2010  
**RUJUKAN** 2348

**SOALAN:**

**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengesan pendatang asing seramai 3.4 juta orang yang menghilangkan diri pada tahun lalu supaya mereka tidak menjadi masalah keselamatan kepada rakyat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang warganegara asing dikategorikan sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) apabila melanggar syarat-syarat seperti:

- (i) Masuk ke Malaysia tanpa memiliki Pas atau Permit yang sah. (Kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63);
- (ii) Tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh Pas yang dikeluarkan. (Kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63);
- (iii) Menyalahgunakan atau melanggar syarat Pas yang dikeluarkan. (Kesalahan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963); dan
- (iv) Menggunakan atau memiliki Pas atau Permit palsu atau yang dipinda. (Kesalahan di bawah 56(1)(l) Akta Imigresen 1959/63).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu warganegara

asing yang menghilangkan diri agar tidak menjadi masalah kepada keselamatan rakyat adalah:

- i. mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- ii. dari aspek rekod, pemantauan dan pengesanan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Inisiatif ini adalah pendekatan terbaik untuk mencari resolusi berkesan termasuklah dari aspek sistem, undang-undang, prosedur dan penguatkuasaan; dan
- iii. sistem pengurusan rekod pergerakan dan warganegara asing penting sebagai satu kaedah penguatkuasaan dalam era teknologi moden. Dengan ini Kementerian ingin mencadangkan kaedah merekodkan maklumat berdasarkan biometrik sepenuhnya ke atas semua warganegara asing yang memasuki negara ini.

A&T:??3

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**



**DARIPADA PUAN CHONG ENG [ BUKIT  
MERTAJAM]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 MAC 2010(SELASA)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN NO. 73**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

menyatakan mengapa sekolah-sekolah, contohnya SRJK(C) Pei Yu, SRK Convent Green Lane, Han Jiang, di caj tarif lebih tinggi daripada komersial oleh IWK dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberikan potongan tarif, jika ada, sila nyatakan bila.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Suka saya menjelaskan bahawa premis milik Kerajaan termasuk sekolah milik

Kerajaan dan bantuan kerajaan dikenakan caj perkhidmatan pembedung yang meliputi Caj Asas dan Caj Penggunaan Air. Caj Asas yang dikenakan bagi perkhidmatan pembedung bersambung adalah sebanyak RM40 sebulan, manakala bagi tangki septik pula adalah sebanyak RM25 sebulan. Bagi Caj Penggunaan Air, pemilik premis juga dikenakan caj berdasarkan penggunaan air. Bagi mana-mana sekolah yang menggunakan air kurang daripada 100 meter padu sebulan, tiada caj penggunaan air akan dikenakan. Namun begitu, bagi penggunaan air yang melebihi 100 meter padu hingga 200 meter padu cajnya adalah sebanyak RM0.45 setiap meter padu. Penggunaan air melebihi 200 meter padu pula akan dikenakan caj sebanyak RM0.95 setiap meter padu. Manakala untuk premis yang masih menggunakan tangki septik pula, Caj Asas adalah sebanyak RM25 sebulan dan caj mengenyah enap cemar mengikut isipadu tangki-tangki septik di premis tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Caj perkhidmatan pembedung yang dikatakan tinggi bagi Penang Han Chiang Associated Chinese School, di Jalan Han Ching, Pulau Pinang yang memegang nombor akaun 43232834 dan Han Chiang High School, di Jalan

Han Chiang, Pulau Pinang yang memegang nombor akaun 36257293 adalah disebabkan penggunaan air yang melebihi 100 meter padu sebulan bagi sekolah-sekolah tersebut. Memandangkan sekolah-sekolah tersebut mempunyai sistem pembetulan yang bersambung ke loji olahan kumbahan awam, Caj Asas yang dikenakan adalah sebanyak RM40 sebulan.

Oleh yang demikian, sebagai contoh pengiraan caj yang telah dikenakan ke atas Penang Han Chiang Associated Chinese School adalah seperti berikut:

- Caj Asas : RM40.00 sebulan
- Caj Penggunaan Air : RM2,605.89 sebulan (Caj Penggunaan Air x

- Jumlah meter padu sebenar air
- Jumlah Caj  
sebulan digunakan) : RM40.00 + RM2,605.89 = RM2.645.89

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa terdekat, Kerajaan belum bercadang untuk memberikan pemotongan tarif pembedaan. Namun begitu, Caj perkhidmatan pembedaan bulanan bagi kedua-dua sekolah yang disebutkan akan berkurangan, jika penggunaan air dapat dikurangkan. Oleh itu, sewajarnya pengurusan sekolah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan dan menjurus ke arah penjimatan air bagi mengurangkan keperluan merawat air kumbahan di sekolah masing- masing.

\*\*\*\*\*

**SOALAN ( 75 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
LISAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

16 MAC 2010 (SELASA)

Y.B. TUAN TIONG THAI KING

PERTANYAAN (LANANG)

N

TARIKH **SOALAN**

DARIPADA

**Y.B. TUAN TIONG THAI KING (LANANG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk mengadakan kempen dan seterusnya menggubal undang-undang untuk megurangkan penggunaan beg plastik seperti mana yang diamalkan di negara-negara lain. Misalnya, pengguna akan dikenakan bayaran sekiranya mereka masih ingin meminta beg plastik semasa membeli-belah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terus menerus menjalankan kempen kesedaran awam samada cara bersendirian atau dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NCO), pihak swasta dan juga pasaraya-pasaraya bagi menjalankan program betapa pentingnya bahan plastik dikitar semula dan dikurangkan penggunaannya. Kerajaan sedia maklum akan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu seperti Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang yang melancarkan hari tanpa plastik. Dalam hal ini Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam(Akta 672) telah memperuntukkan kaedah-kaedah tertentu untuk mengurangkan bukan sahaja bahan plastik tetapi juga bahan-bahan lain yang tidak mesra alam. Peruntukan seperti sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit umpamanya boleh digunakan kelak untuk mengenakan bayaran kepada mereka yang ingin menggunakan plastik yang disediakan oleh pasaraya-pasaraya. Dalam pada itu Akta 672 juga memperuntukkan kaedah di mana Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan boleh mengeluarkan peraturan-peraturan bagi memastikan pengeluar-pengeluar mengurangkan penjanaaan sisa pepejal termasuk menggunakan bahan-bahan mesra alam dan bahan-bahan yang boleh dikitar semula dalam proses pembuatan mereka.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2010